05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESILAPAN SEBUTAN NADA BAHASA MANDARIN DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU

CHUAH KEE PING

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA CINA)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesilapan sebutan nada serta membanding persepsi pelajar terhadap kesukaran sebutan nada dan kesilapan sebenar dalam sebutan nada Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu. Kajian deskriptif berdasarkan tinjauan ini melibatkan 88 orang pelajar UiTM yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin sebagai subjek kajian ini. Rakaman suara bacaan sebutan kata dwisuku dianalisis dengan perisian *Praat* untuk menganalisis dan mengenal pasti kesilapan sebutan nada. Soal selidik diedarkan kepada subjek kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis serta membanding persepsi pelajar terhadap kesukaran sebutan nada kata dwisuku dengan kesilapan sebenar yang dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah tidak selaras dengan hasil analisis sebenar. Maka, penekanan terhadap semua kategori sebutan nada kata dwisuku adalah diperlukan. Kesilapan *interlingual*, *intralingual*, dan *developmental* dan persekitaran merupakan faktor yang mempengaruhi subjek kajian melakukan kesilapan sebutan nada. Cadangan pembetulan diketengahkan untuk penambahbaikan tahap penguasaan sebutan nada Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu seperti nyanyian lagu Bahasa Mandarin, mengenal sebutan melalui suku kata, dan mengajar menggunakan isyarat tangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MANDARIN TONE PRONUNCIATION ERRORS AMONG MALAY LEARNERS OF MANDARIN

ABSTRACT

This study aims to identify and analyze Malay students' tone pronunciation errors. Additionally, it aims to compare their perceived tone pronunciation difficulties with the actual pronunciation errors made. The respondents in this survey study 88 UiTM students in a Mandarin course. Research subjects' reading in disyllabic words were recorded and analyzed with the phonetic analysis software *Praat* in order to analyze and identify errors' tone. Questionnaires were distributed to the research subjects to identify and analyze their perceptions of the disyllabic words pronunciation difficulties, and then compare their perceptions with the real errors made. The findings of the study indicated that students' perceived tone pronunciation difficulties are inconsistent with the actual pronunciation errors made. Thus, the emphasis on all the categories of disyllabic words is needed. Interlingual, intralingual and developmental errors as well as the environmental factor contributed to the participants erroneous in tonal pronunciation. Suggestions for remediation are highlighted to increase the acquisition of Mandarin tone pronunciation among Malay students, such as learning Mandarin through singing, recognizing pronunciation through syllables, and teaching through hand signals.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

HALAMAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		**ii**
PENGHARGAAN		**iii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		**v**
KANDUNGAN		**vi**
SENARAI JADUAL		**xi**
SENARAI RAJAH		**xiii**
SENARAI SINGKATAN		**xiv**
SENARAI LAMPIRAN		**xv**
BAB 1	**PENDAHULUAN**	**1**
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin di Universiti Teknologi MARA (UiTM)	5
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Definisi Istilah	18
1.9.1	Bahasa Mandarin	18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Perbezaan Bahasa Ibunda dengan Bahasa Ketiga 19
1.9.3 Nada Bahasa Mandarin 20
1.9.4 Kesilapan Sebutan Nada 22
1.9.5 Kata Dwisuku 22
1.10 Rumusan 23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 24
2.1 Pengenalan 24
2.2 Sistem fonetik dalam Bahasa Mandarin 25
2.2.1 Modifikasi Nada 28
2.2.2 Nada Neutral 30
2.3 Perbezaan Nada Antara Bahasa Mandarin dan Bahasa Malaysia 30
2.4 Faktor-faktor Menyebabkan Kesilapan Sebutan Nada 32
2.5 Teori Analisis Kesilapan 40
2.6 Kajian-kajian Lepas 42
2.6.1 Kajian-kajian Luar Negara 42
2.6.2 Kajian-kajian Tempatan 52
2.7 Rumusan 56

BAB 3 METODOLOGI 57
3.1 Pengenalan 57
3.2 Reka Bentuk Kajian 58
3.3 Kerangka Kajian 58
3.3.1 Teori Analisis Kesilapan 60
3.4 Prosedur Kajian 62
3.5 Subjek Kajian 64
3.6 Lokasi Kajian 68
3.7 Instrumen Kajian 68

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Soal selidik 69

3.7.1.1 Penilaian Kesahan Kandungan Soal Selidik 70

3.7.2 Rakaman Bacaan Kata Dwisuku Bahasa Mandarin 71

3.7.2.1 Perisian *Praat* 75

3.8 Analisis Data 77

3.9 Kajian Rintis 78

3.10 Rumusan 81

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 83

4.1 Pengenalan 83

4.2 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kata Dwisuku 85

4.2.1 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori A 86

4.2.2 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori B 86

4.2.3 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori C 87

4.2.4 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori D 87

4.2.5 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Modifikasi Nada 88

4.2.6 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Neutral 89

4.3 Kekerapan Kesilapan Sebutan Nada bagi Kata Dwisuku 89

4.3.1 Analisis Kesilapan Sebutan Nada Kategori A 91

4.3.1.1 Kesilapan Sebutan Nada Pertama dan Nada Kedua (1-2) 93

4.3.2 Analisis Kesilapan Sebutan Nada Kategori B 94

4.3.2.1 Kesilapan Sebutan Nada Kedua dan Nada Pertama (2-1) 96

4.3.3 Analisis Kesilapan Sebutan Nada Kategori C 98

4.3.3.1 Kesilapan Sebutan Nada Ketiga dan Nada Kedua (3-2) 100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Analisis Kesilapan Sebutan Nada Kategori D 101

4.3.4.1 Kesilapan Sebutan Nada Keempat dan Nada Ketiga (4-3) 103

4.4 Kekerapan Kesilapan Sebutan Modifikasi Nada Kata Dwisuku 105

4.4.1 Kesilapan Sebutan Modifikasi Nada Ketiga dan Nada Ketiga 106

4.5 Kekerapan Kesilapan Sebutan Nada Neutral 108

4.5.1 Kesilapan Sebutan Nada Keempat dan Nada Neutral 110

4.6 Perbandingan Analisis Kesilapan Sebutan Nada bagi Kata Dwisuku 111

4.7 Rumusan 114

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 116

5.1 Pengenalan 116

5.2 Perbincangan 117

5.2.1 Fakor *Interlingual* 118

5.2.1.1 Gangguan Bahasa Ibunda 119

5.2.2 Faktor *Intralingual* 121

5.2.2.1 Pengaruh Suku Kata 121

5.2.2.2 Generalisasi Melampau *(Over-Generalization)* 123

5.2.3 Faktor Kesilapan *Developmental* 125

5.2.3.1 Terkeliru dari Segi Cara Artikulasi 125

5.2.3.2 Hilang Keyakinan 130

5.2.4 Faktor Persekitaran 131

5.2.4.1 Pendedahan dan Persekitaran Pembelajaran Bahasa Mandarin 132

5.2.4.2 Waktu Perkuliahan 133

5.3 Implikasi Kajian 133

5.3.1 Implikasi untuk Pelajar 134

5.3.2 Implikasi untuk Pensyarah 135

5.4 Cadangan-cadangan Pembetulan Sebutan Nada 137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 139
5.6 Rumusan 140

BIBLIOGRAFI **141**
LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Senarai Universiti Teknologi MARA yang Menawarkan Kursus Bahasa Mandarin	6
1.2	Pentaksiran Berterusan untuk Bahasa Mandarin	8
1.3	Analisis Keputusan Ujian Lisan Bahasa Mandarin Tahap 1 (BMD 401) oleh Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (KAC 2203A dan KAC 2004C)	10
1.4	Penggunaan Nada dalam Bahasa Mandarin	21
2.1	Senarai Fonem Awal	25
2.2	Senarai Fonem Akhir	26
2.3	Senarai Nada Pada Fonem Akhir	28
3.1	Jumlah Subjek Kajian yang Terlibat dalam Kajian	65
3.2	Ringkasan Pengalaman Subjek Kajian dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	66
3.3	Latar Belakang Pakar Pengesahan Kandungan Soal Selidik	70
3.4	Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada	72
3.5	Kata Dwisuku Sebutan Nada yang Digunakan dalam Kajian	73
3.6	Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada Neutral yang Digunakan dalam Kajian	74
3.7	Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Modifikasi Nada yang Digunakan dalam Kajian	74
3.8	Hubungan Antara Soalan Kajian dan Instrumen Kajian	77
3.9	Analisis Kesilapan Sebutan Nada Mengikut Kategori	79
4.1	Tahap Kesukaran Kata Dwisuku Sebutan Nada Mengikut Persepsi Subjek Kajian	85
4.2	Kategori-kategori dalam Kata Dwisuku	90
4.3	Kesilapan Sebutan Nada Kategori A	92
4.4	Kesilapan Sebutan Nada Kategori A (1-2)	93
4.5	Kesilapan Sebutan Nada Kategori B	95
4.6	Kesilapan Sebutan Nada Kategori B (2-1)	97
4.7	Kesilapan Sebutan Nada Kategori C	99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8	Kesilapan Sebutan Nada Kategori C (3-2)	100
4.9	Kesilapan Sebutan Nada Kategori D	102
4.10	Kesilapan Sebutan Nada Kategori D (4-3)	103
4.11	Kekerapan Kesilapan Sebutan Modifikasi Nada	105
4.12	Kesilapan Sebutan Modifikasi Nada 3-3 (你好 nǐ hǎo)	107
4.13	Kekerapan Kesilapan Sebutan Nada Neutral	109
4.14	Kesilapan Sebutan Nada Neutral Kategori D	110
4.15	Perbandingan antara Analisis Kesilapan Sebutan Nada dengan Kesukaran Sebutan Nada mengikut Persepsi Subjek Kajian	112

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Sebutan Nada yang Berbeza	27
3.1	Kerangka Kajian	59
3.2	Teori Analisis Kesilapan	61
3.3	Carta Aliran Prosedur Kajian	62
3.4	Sebutan kata dwisuku yang dianalisis oleh perisian *Praat*	76
4.1	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Nada Kategori A dengan Betul dan Silap	92
4.2	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Kategori A (1-2)	94
4.3	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Nada Kategori B dengan Betul dan Silap	96
4.4	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Kategori B (2-1)	97
4.5	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Nada Kategori C dengan Betul dan Silap	99
4.6	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Kategori C (3-2)	101
4.7	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Nada Kategori D dengan Betul dan Silap	102
4.8	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Kategori D (4-3)	104
4.9	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Modifikasi Nada dengan Betul dan Silap	106
4.10	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Sebutan Modifikasi Nada	107
4.11	Perbandingan Peratus Subjek Kajian yang Menyebut Kata Dwisuku Sebutan Nada Neutral dengan Betul dan Silap	109
4.12	Perbandingan Sebutan Nada Pakar dengan Subjek Kajian Sebutan Nada Neutral Kategori D (4-0)	111

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

APB	Akademi Pengajian Bahasa
BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
BTSK	Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ITM	Institut Teknologi MARA
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
PPPM (2013-2025)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
RIDA	*Rural and Industrial Development Authority*
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
(-)	Tanda Diakritik Nada Pertama
(/)	Tanda Diakritik Nada Kedua
(∨)	Tanda Diakritik Nada Ketiga
(\ )	Tanda Diakritik Nada Keempat
⟶	Disalah sebut sebagai
/ /	Sebutan dalam *Hanyu Pinyin*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik

B Istilah Bahasa Mandarin dalam Bahasa Malaysia

C Senarai Penerbitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Malaysia terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum. Justeru, dalam masyarakat majmuk ini, pergaulan dan komunikasi rakyat akan terbatas dalam lingkungan kaumnya sendiri jika mereka hanya menguasai bahasa ibunda masing-masing (Lee, 2007). Selain itu, dalam menuju era globalisasi ini, kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa asing sama ada bahasa kedua atau bahasa ketiga dengan cekap dan lancar merupakan satu kelebihan bagi pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengukuhkan akses dan peluang untuk mempelajari bahasa lain seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Arab serta bahasa ibunda lain seperti Bahasa Iban dan Bahasa Kadazan Dusun dan bahasa-bahasa lain yang terkemuka di institusi tertentu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah diperkenalkan supaya semua murid dari semua kumpulan etnik dan komuniti digalakkan untuk belajar sekurang-kurangnya tiga bahasa untuk membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa kini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Maka, semua murid dari semua kumpulan etnik dan komuniti digalakkan untuk mempelajari sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa kini.

Kita hendaklah mempelajari Bahasa Mandarin disebabkan kedudukannya pada hari ini sudah dianggap sebagai satu bahasa yang sama penting seperti Bahasa Jepun. Menurut Sinar Harian terbitan pada 22 Mei 2014 (Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke China), kini terdapat kira-kira 6000 pelajar Malaysia yang menuntut di China. Selain itu, banyak institusi pendidikan seperti sekolah kebangsaan, sekolah asrama penuh, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) turut menawarkan kursus Bahasa Mandarin kepada pelajar bukan penutur jati. Langkah ini membolehkan para pelajar berupaya berkomunikasi dan berinteraksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan Bahasa Mandarin, terutamanya pada abad ke-21 yang menunjukkan bahawa pengaruh negara China sekarang ini semakin besar, dari segi ekonomi dan politik.

Kedudukan negara China pada masa kini menjadi semakin penting, khasnya selepas negara China berjaya menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2008 (Deng, 1992). Keadaan ini telah mendorong pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin giat dijalankan disebabkan negara China mempunyai pasaran ekonomi yang luas dan berpotensi berkembang pada masa akan datang.

Kini Bahasa Mandarin atau *Huayu*（华语）mempunyai penutur yang paling banyak di dunia ini. Hampir 1.2 bilion orang (kira-kira 16% daripada penduduk dunia) menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa pertama mereka (sumber: dipetik dari Chinese Language, http://en.wikipedia.org/wiki/Chinese_language). Memandangkan pembelajaran Bahasa Mandarin berkembang pesat, satu kecenderungan untuk mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga dalam kalangan penduduk di dunia turut meningkat. Oleh itu, berdasarkan perkembangan ini adalah wajar untuk menjalankan kajian yang berkaitan pembelajaran Bahasa Mandarin oleh penutur bukan jati.

1.2 Latar Belakang Kajian

KPM telah melancarkan PPPM 2013-2025 baru-baru ini. Antara teras dalam PPPM ini adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berfikir aras tinggi, kemahiran abad ke-21, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional supaya berupaya bersaing di peringkat global. Untuk membina modal insan yang berkemahiran dalam menguasai dwibahasa, pilihan Bahasa Mandarin sebagai bahasa elektif ditawarkan di pelbagai sekolah kebangsaan atau institusi-institusi pengajian.

Di peringkat sekolah rendah, kebanyakan sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia telah menawarkan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) sebagai kelas elektif. Kelas elektif ini telah menjadi rebutan kepada ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka untuk belajar bahasa ketiga di sekolah kebangsaan. Dalam sukatan pelajaran mata pelajaran BCSK, murid-murid diwajibkan menguasai kemahiran mendengar, menyebut, membaca dan menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di peringkat pengajian tinggi, misalnya di Universiti Teknologi MARA (UiTM), kursus Bahasa Mandarin ditawarkan berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB). Dalam sukatan pelajaran Kursus Bahasa Mandarin, pelajar diwajibkan menguasai kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis dalam Bahasa Mandarin. Dalam kemahiran bertutur, sistem sebutan nada dengan *Hanyu Pinyin* diperkenalkan untuk membantu pelajar membaca dan memahami ayat mudah dalam Bahasa Mandarin. Kini, *Hanyu Pinyin* telah digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin di seluruh dunia. Maka, penguasaan sebutan nada dengan betul dan tepat dalam kemahiran menyebut merupakan satu usaha berterusan dalam menjayakan kemahiran dwibahasa dalam PPPM 2013-2025.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin di Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula sebagai Dewan Latihan RIDA yang beroperasi mulai November 1956 di Petaling Jaya, Selangor. Dewan Latihan ini ditubuhkan sebagai pusat percubaan yang menawarkan kursus persediaan untuk remaja luar bandar aliran Inggeris. RIDA yang merupakan singkatan bagi *Rural and Industrial Development Authority*, dibentuk pada tahun 1950 bertujuan membantu menaik taraf ekonomi penduduk Bumiputera. Dewan Latihan ini merupakan inspirasi Dato' Onn bin Ja'afar, hasil dari lawatannya ke *Ceylon* (sekarang Sri Lanka) pada tahun 1951.

Pada bulan Jun 1965, Dewan Latihan RIDA diletakkan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Maktab ini terus berkembang hingga menjadi unit terpenting dalam Bahagian Latihan MARA, hinggalah pada 14 Oktober 1967, Maktab MARA ini mendapat nama baharu, iaitu Institut Teknologi MARA (ITM).

Seterusnya pada tahun 1996, ITM telah dinaik taraf menjadi sebuah universiti. Namun begitu, namanya tidak ditukar hinggalah pada 26 Ogos 1999, Institut Teknologi MARA dengan rasminya dinamakan UiTM.

Antara 35 buah UiTM di seluruh Malaysia, sebanyak 17 buah UiTM menawarkan kursus Bahasa Mandarin kepada pelajar (rujuk Jadual 1.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1
Senarai Universiti Teknologi MARA yang Menawarkan Kursus Bahasa Mandarin

Bil.	Cawangan / Induk Universiti Teknologi Mara (UiTM)
1.	Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
2.	Universiti Teknologi MARA, kampus Arau, Perlis.
3.	Universiti Teknologi MARA, kampus Merbok, Kedah.
4.	Universiti Teknologi MARA, kampus Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
5.	Universiti Teknologi MARA, kampus Seri Iskandar, Perak.
6.	Universiti Teknologi MARA, kampus Seremban 3, Negeri Sembilan.
7.	Universiti Teknologi MARA, kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
8.	Universiti Teknologi MARA, kampus Alor Gajah, Melaka.
9.	Universiti Teknologi MARA, kampus Bandar Melaka, Melaka.
10.	Universiti Teknologi MARA, kampus Segamat, Johor.
11.	Universiti Teknologi MARA, kampus Pasir Gudang, Johor.
12.	Universiti Teknologi MARA, kampus Machang, Kelantan.
13.	Universiti Teknologi MARA, kampus Jengka, Pahang.
14.	Universiti Teknologi MARA, kampus Dungun, Terengganu.
15.	Universiti Teknologi MARA, kampus Kuala Terengganu (Chendering).
16.	Universiti Teknologi MARA, kampus Samarahan, Sarawak.
17.	Universiti Teknologi MARA, kampus Kota Kinabalu, Sabah.

(Sumber: Dipetik daripada Laman Rasmi UiTM, 2015)

Bahasa Mandarin merupakan salah satu bahasa asing yang ditawarkan sebagai bahasa ketiga oleh APB sejak tahun 1968. Sejajar dengan perkembangan ekonomi negara China di rantau Asia, nilai komersial Bahasa Mandarin semakin meningkat (Lee, 2007). Oleh sebab itu, Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang menjadi pilihan utama para pelajar di UiTM (Chia, 1999; Lee, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa kini, kursus Bahasa Mandarin di UiTM ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti program peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat diploma. Kursus Bahasa Mandarin bagi pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dibahagikan kepada 3 tahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2, dan Tahap 3. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk setiap tahap ialah 30 jam satu semester (15 perkuliahan). Kod program Bahasa Mandarin untuk program Ijazah Sarjana Muda adalah BMD401 untuk Tahap 1, BMD451 untuk Tahap 2 dan BMD501 untuk Tahap 3.

Kursus Bahasa Mandarin bagi pelajar Diploma pula dibahagikan kepada 2 tahap, iaitu Tahap 1 dan Tahap 2. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk setiap tahap ialah 60 jam satu semester (30 perkuliahan). Kod program Bahasa Mandarin untuk program Diploma ialah BMD101 untuk Tahap 1 dan BMD151 untuk Tahap 2.

Di UiTM Cawangan Kedah, kursus Bahasa Mandarin turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Kursus ini bertujuan untuk menguji kebolehan dan kecekapan pelajar-pelajar dari segi pendengaran dan pertuturan Bahasa Mandarin serta penulisan Bahasa Mandarin. Buku teks Bahasa Mandarin bagi program peringkat Diploma Tahap 1 dan Tahap 2 dan juga program peringkat Ijazah Sarjana Muda Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 diterbitkan oleh *Xueer Publishers* berdasarkan sukatan pelajaran untuk rujukan pelajar. Buku-buku teks ini dilengkapi dengan sistem *Hanyu Pinyin*. Isi kandungan bab-bab buku teks ini bermula dengan bahagian dialog dalam sesuatu situasi; misalnya ayat sapaan, memperkenalkan diri, memperkenalkan penggunaan nombor dalam menyebut umur, masa, tarikh, memperkenalkan ahli keluarga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menceritakan aktiviti masa lapang. Setiap bab juga dilengkapi dengan rakaman pita audio. Pendekatan ini akan membantu pelajar Bahasa Mandarin berlatih dari aspek sebutan dan pertuturan mereka di samping memahirkan daya pendengaran mereka.

Jadual 1.2
Pentaksiran Berterusan untuk Bahasa Mandarin

Pentaksiran Berterusan (100%)			
Pentaksiran Pertengahan (40%)		Pentaksiran Akhir (60%)	
1. Aktiviti Bahasa • Online Kuiz • Ujian Menulis	(20%)	1. Ujian Mendengar II	(10%)
2. Ujian Lisan I • Persembahan dalam kalangan rakan sebaya	(10%)	2. Ujian Lisan II • Gambar (monolog) • Ujian Lisan (Soal Jawab)	(20%)
3. Ujian Mendengar I	(10%)	3. Projek Bahasa • Skrip Rakaman Video	(30%)
JUMLAH	40%	JUMLAH	60%

Selain itu, setiap pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda dan peringkat Diploma UiTM diwajibkan menduduki Pentaksiran Berterusan Bahasa Mandarin. Jadual 1.2 telah menunjukkan pembahagian markah dalam Pentaksiran Berterusan Bahasa Mandarin. Pentaksiran Pertengahan akan menyumbangkan 40% dan Pentaksiran Akhir pula akan menyumbangkan 60%. Jumlah markah untuk Pentaksiran Berterusan adalah sebanyak 100%. Pemberian markah dalam Pentaksiran Pertengahan (40%) merangkumi Aktiviti Bahasa (20%), Ujian Lisan 1 (10%) dan Ujian Mendengar 1 (10%) manakala pemberian markah dalam Pentaksiran Akhir (60%) pula merangkumi Ujian Mendengar II (10%), Ujian Lisan II (20%) dan Projek Bahasa (30%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Penyataan Masalah

Penguasaan bahasa oleh seseorang pelajar biasanya diukur daripada empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat kemahiran ini dapat dilihat melalui dua medium iaitu secara lisan dan bertulis. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin, penguasaan kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur dalam bahasa sasaran merupakan satu masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan penutur bukan jati. Sebagai contoh, keputusan Ujian Lisan 1 (10%) dan Ujian Lisan 2 (20%) oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari kelas KAC 2203A dan KAC 2204C (Rujuk Jadual 1.3) telah menunjukkan kebanyakan pelajar mendapat markah yang tidak memuaskan. Pemotongan markah dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2 adalah dari aspek kesilapan sebutan nada, kesilapan/kesalahan menyebut frasa, kesilapan penterjemahan berdasarkan struktur ayat Bahasa Melayu dan sebagainya. Kebiasaannya, punca utama yang menyebabkan potongan markah dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2 adalah disebabkan para pelajar menyebut kesilapan sebutan nada. Jadual 1.3 telah menunjukkan kurang daripada 10% pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dalam Ujian Lisan 1 dan Ujian Lisan 2. Oleh itu, penyelidikan tentang kesilapan sebutan nada diperlukan supaya dapat meningkatkan kecemerlangan para pelajar dalam peperiksaan yang akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3
Analisis Keputusan Ujian Lisan Bahasa Mandarin Tahap 1 (BMD 401) oleh Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (KAC 2203A dan KAC 2004C)

Markah dalam Ujian Lisan 1	*10-9*	*8-7*	*6-5*	*4-3*	*2-1*	*0*
Bilangan Pelajar KAC 2203A (%)	1 (7.7%)	3 (23%)	7 (53.8%)	2 (15.5%)	0	0
Bilangan Pelajar KAC 2204C (%)	2 (10%)	10 (50%)	6 (30%)	2 (10%)	0	0

Markah dalam Ujian Lisan 2	*20-17*	*16-13*	*12-9*	*8-5*	*1-4*	*0*
Bilangan Pelajar KAC 2203A (%)	1 (7.7%)	5 (38.5%)	6 (46.1%)	1 (7.7%)	0	0
Bilangan Pelajar KAC 2204C (%)	2 (10%)	12 (60%)	4 (20%)	2 (10%)	0	0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penguasaan sebutan nada dengan baik sangat penting untuk pelajar yang mengikuti bahasa asing (Liu, 1998). Para pelajar menyebut sebutan nada yang salah akan mendatangkan banyak kesan negetif semasa berkomunikasi dan berinteraksi dengan kawan-kawan (Zhou, 2006). Maka, daripada pengalaman mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di UiTM yang terdiri daripada semua pelajar penutur bukan jati dan majoritinya ialah pelajar Melayu, pengkaji mendapati salah satu daripada kesilapan bahasa yang paling ketara ialah kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin. Misalnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. */ wǒ yào mǎi **huà./*** (我要买**画**。) -- Saya ingin beli **gambar**.

ii. */ wǒ yào mǎi **huā./*** (我要买**花**。) -- Saya ingin beli **bunga**.

Berdasarkan contoh yang dikemukakan, walaupun kedua-dua ayat ini dari segi pendengaran adalah lebih kurang sama, tetapi semasa berkomunikasi atau berinteraksi, akan menjadi sebagai satu jenaka kepada orang lain sekiranya para pelajar tidak berupaya menyebut */măi huà/* dan */măi huā/* dengan betul. Sebutan */măi huà/* merupakan beli gambar, manakala sebutan /*măi huā/* pula membawa maksud beli bunga. Oleh itu, kesilapan dalam penghasilan bunyi-bunyi bahasa akan turut menjejaskan proses komunikasi yang berlaku. Sebutan nada yang tepat agak sukar dicapai sekiranya terdapat halangan dalam menguasai sebutan *Hanyu pinyin* (汉语拼音) dengan baik (Ma, 2014). Sebutan yang betul akan membentuk suasana komunikasi yang harmoni dan meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Oleh itu, penguasaan sebutan nada yang betul adalah sangat penting (Yu & Wang, 2005).

Selain itu, semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin dijalankan, bahasa “loghat asing” sering disebut oleh pelajar apabila mereka bertutur atau membaca Bahasa Mandarin dengan nada yang tidak tepat (Fu & Zhang, 2004; Liu, 1998; Wang, 2004). Oleh itu, penguasaan sebutan nada merupakan salah satu aspek pembelajaran yang paling sukar untuk pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin (Wu, 1993).

Di samping itu, pengkaji mendapati tidak banyak kajian dijalankan ke atas pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Mandarin khususnya dari aspek sebutan nada dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hanyu pinyin. Sekarang terdapat kira-kira 6000 orang pelajar Malaysia sedang melanjutkan pengajian mereka di negara China pada masa kini. Ekoran daripada jumlah besar ini, pengkaji luar negara yang menjalankan kajian penyelidikan dalam bidang sebutan nada ke atas pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Mandarin di China masih jarang dijumpai. Biasanya, pengkaji luar negara hanya menumpukan kepada pelajar yang berasal dari Thailand, Indonesia, Jepun, Korea dan sebagainya yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing.

Bukan sahaja itu, kebanyakan pengkaji tempatan juga hanya menumpukan kajian mereka terhadap analisis kesilapan tatabahasa, kesilapan sintaksis, kesilapan morfologi dan lain-lain lagi di kalangan pelajar Melayu. Sebagai contoh, Ngeh (1995) dalam tesis peringkat sarjana berjudul *Analisis kesilapan Bahasa Cina di kalangan pelajar-pelajar Melayu sekolah rendah Cina*, Saw (1997) dan Lee (2007) mengkaji tentang kesilapan sintaksis dalam pembelajaran Bahasa Mandarin oleh pelajar INTAN dan pelajar UiTM, Yeoh (2005) menjalankan kajian tentang analisis kesilapan tatabahasa dalam Bahasa Cina. Kini, walaupun banyak sekolah kebangsaan dan institusi pegajian tinggi yang menawarkan kursus Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga kepada pelajar Melayu, kajian-kajian terhadap analisis kesilapan sebutan nada dalam *Hanyu pinyin* dalam pembelajaran Bahasa Mandarin masih tidak banyak. Oleh itu, kajian ini amatlah diperlukan untuk menganalisis kesilapan sebutan nada dalam kalangan pelajar UiTM yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap sebutan nada, sebutan modifikasi nada dan sebutan nada neutral Bahasa Mandarin. Di samping itu, kajian ini juga merupakan satu analisis kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada dan sebutan nada neutral bagi kata dwisuku dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM.

1.5 Objekif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

i. mengenal pasti persepsi pelajar terhadap sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral bagi kata dwisuku yang paling sukar.

ii. menganalisis kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral bagi kata dwisuku yang paling kerap dilakukan oleh pelajar;

iii. membandingkan persepsi pelajar dan kesilapan sebenar dalam sebutan nada Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

i. Persoalan kajian yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap sebutan nada dalam kata dwisuku:

   a) Apakah sebutan nada untuk ketegori A, ketegori B, ketegori C, ketegori D yang paling sukar mengikut persepsi pelajar?

   b) Apakah sebutan modifikasi nada yang paling sukar mengikut persepsi pelajar?

   c) Apakah sebutan nada neutral yang paling sukar mengikut persepsi pelajar?

ii. Persoalan kajian yang berkaitan dengan analisis kesilapan sebutan dalam kata dwisuku:

   a) Apakah kesilapan sebutan nada untuk ketegori A, ketegori B, ketegori C, ketegori D yang paling kerap dilakukan oleh pelajar?

   b) Apakah kesilapan sebutan modifikasi nada yang paling kerap dilakukan oleh pelajar?

   c) Apakah kesilapan sebutan nada neutral yang paling kerap dilakukan oleh pelajar?

iii. Persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada selaras dengan dapatan kajian sebenar:

   a) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah selaras dengan dapatan kajian sebenar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah separa selaras dengan dapatan kajian sebenar?

c) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah tidak selaras dengan dapatan kajian sebenar?

1.7 Kepentingan Kajian

Setiap etnik di Malaysia mempunyai bahasa ibunda masing-masing. Maka, kerajaan telah menawarkan pelbagai kursus bahasa ketiga seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Perancis, Bahasa Jerman, Bahasa Arab, Bahasa Jepun dan sebagainya di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah menengah berasrama penuh, ataupun institusi penggajian tinggi yang menjadi pilihan untuk pelajar. Tanpa kemampuan dan kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa, agak sukar seseorang untuk berkomunikasi khususnya dengan individu yang berlainan bangsa. Oleh itu, banyak kepentingan akan diperoleh oleh seseorang dengan menguasai pelbagai bahasa lain selain bahasa ibunda.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesilapan sebutan nada yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari Bahasa Mandarin. Pengkaji berhasrat agar dapatan kajian ini dapat menyedarkan para pelajar tentang kesilapan sebutan nada yang menjejaskan pencapaian mereka semasa mempelajari Bahasa Mandarin dan tindakan susulan yang boleh diambil oleh pelajar untuk mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, kajian ini akan membantu para pelajar membetulkan kesilapan sebutan nada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil kajian ini akan dapat menjadi salah satu bahan rujukan kepada para penyelidik yang berminat dengan pengajaran bahasa, sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab atau bahasa asing di semua peringkat. Berdasarkan dapatan kajian ini, kajian lanjutan para penyelidik bagi memantapkan dapatan kajian dan seterusnya memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Di samping itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi satu panduan kepada semua pihak berkenaan seperti guru Bahasa Mandarin, pensyarah Bahasa Mandarin, Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi lain semasa menggubal kurikulum. Akhir sekali, penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu tenaga pengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga dalam merangka atau merancang strategi pengajaran Bahasa Mandarin dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat mewujudkan pelajar-pelajar yang berupaya untuk bertutur dan berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin dengan betul.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini tertakluk kepada batasan-batasan berikut:

a) Subjek kajian ini hanya dibataskan kepada 88 orang pelajar Melayu dari UiTM Cawangan Kedah yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 3 yang terdiri daripada Fakulti Perakauan (13 orang pelajar dari kelas KAC 2205A, 16 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar dari kelas KAC 2206A, 15 orang pelajar dari kelas KAC 2206B, dan 19 orang pelajar dari kelas KAC 2206C) dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (11 orang pelajar dari kelas KAM 2285A dan 14 orang pelajar dari kelas KAM 2285B) sahaja. Maka segala dapatan kajian yang diperoleh mungkin tidak dapat digeneralisasikan terhadap semua pelajar yang mengambil kursus Bahasa Mandarin Tahap 3 dari UiTM Cawangan Kedah, mahupun semua UiTM yang menawarkan kursus Bahasa Mandarin di seluruh Malaysia.

b) Subjek kajian yang mengambil Bahasa Mandarin Tahap 3 (kod kursus BMD 501) akan menjadi subjek kajian ini yang terdiri daripada 18 orang lelaki dan 70 orang perempuan. Subjek kajian yang dipilih pernah mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 1 (BMD 401) selama satu semester, iaitu dari bulan Disember 2013 hingga ke April 2014 dan kursus Bahasa Mandarin Tahap 2 (BMD 451) selama satu semester, iaitu dari bulan Mei 2014 hingga ke September 2014. Walaupun bilangan jantina subjek kajian yang tidak seimbang, namun hasil kajian ini masih dapat memperlihat corak kesilapan sebutan nada, kesilapan sebutan modifikasi nada, dan kesilapan sebutan nada neutral dalam pertuturan Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar yang dikaji.

c) Sebutan nada akan direkodkan dengan menggunakan alat rakaman digital *Sony* dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Praat*. Analisis kesilapan sebutan nada ini hanya tertumpu kepada kata dwisuku dan tidak memfokuskan kepada morfem ekasebutan, kata trisuku atau perkataan yang lebih daripada kata trisuku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian sebutan nada harus mementingkan kata dwisuku dahulu disebabkan kata dwisuku merangkumi kesemua perkataan yang digabungkan, misalnya nada pertama dengan nada pertama, nada pertama dengan nada kedua, nada pertama dengan nada ketiga, nada pertama dengan nada keempat dan lain-lain lagi (Zhang & Chen, 2005). Dengan ini, kajian ini akan lebih menggambarkan lagi kesilapan-kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada, sebutan nada neutral yang dilakukan oleh pelajar disebabkan kebanyakan perkataan Bahasa Mandarin terdiri daripada kata dwisuku.

d) Pemilihan perkataan adalah dihadkan kepada kata dwisuku yang terdapat dalam buku teks Bahasa Mandarin Tahap 1, Bahasa Mandarin Tahap 2, dan Bahasa Mandarin Tahap 3 yang pernah dipelajari. Kata dwisuku yang tidak pernah dipelajari tidak akan dipilih dalam kajian ini.

1.9 Definisi Istilah

Berikut merupakan definisi bagi beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.9.1 Bahasa Mandarin

Bahasa Mandarin mempunyai banyak panggilan di dunia. Di negara China dan Hong Kong, bahasa ini dikenali sebagai *Putong Hua* （普通话）, iaitu bahasa umum. Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Taiwan pula, Bahasa Mandarin dikenali sebagai *Guo Yu* （国语）, iaitu bahasa nasional (Zhang, 1985). Bahasa Mandarin mempunyai empat sebutan nada yang berbeza, iaitu nada pertama, nada kedua, nada ketiga, dan nada keempat dan nada neutral (Zao, 2003).

Di Singapura dan Malaysia, bahasa ini dinamakan sebagai *Hua Yu* （华语）, iaitu Bahasa Cina atau Bahasa Mandarin. Meskipun istilah-istilahnya berbeza, namun pada hakikitnya, bahasa ini merujuk kepada bahasa yang sama iaitu satu bahasa standard yang digunakan oleh bangsa Cina di seluruh dunia (Lee, 2007). Oleh sebab kursus Bahasa Mandarin merupakan kursus elektif yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda dan sehingga kini penggunaan istilah Bahasa Mandarin masih digunakan di UiTM, maka istilah Bahasa Mandarin akan digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Perbezaan Bahasa Ibunda dengan Bahasa Ketiga

Bahasa ibunda ialah bahasa yang dimiliki oleh seseorang sejak dilahirkan dan digunakan dalam konteks seharian. Bahasa ibunda yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada Bahasa Melayu yang merupakan bahasa pertama bagi subjek kajian.

Bahasa ketiga pula merujuk kepada bahasa yang dipelajari atau dikuasai selepas bahasa ibunda. Bahasa ketiga dapat dipelajari secara formal atau tidak formal. Bahasa ketiga yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada Bahasa Mandarin bagi subjek kajian ini. Asmah Haji Omar (1981) dalam kajiannya berjudul *The Malaysian national*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

language in academic discourse telah menerangkan bahawa bahasa ketiga mempunyai kedudukan yang tersendiri di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi.

> *"...one gets a clear picture that each country has its own concept of 'foreign language'. For example, English is a foreign language in Indonesia and Thailand, while it is a second language in the Philippines, Singapore and Malaysia, as perceived by the counties themselves. Chinese is a foreign language in the Philippines, Indonesia and Thailand, while it is a local language in Malaysia and Singapore."*
>
> (Sumber: Asmah Haji Omar, 1981)

Beliau telah menggambarkan setiap negara mempunyai konsep sendiri terhadap bahasa ketiga dengan amat jelas. Sebagai contoh, Bahasa Inggeris merupakan bahasa asing di Indonesia dan Thailand, sementara bahasa ini merupakan bahasa kedua di Filipina, Singapura dan Malaysia. Manakala, Bahasa Mandarin merupakan bahasa asing di Filipina, Indonesia dan Thailand, sementara di Malaysia dan Singapura bahasa ini ialah bahasa tempatan.

1.9.3 Nada Bahasa Mandarin

Sistem *Hanyu Pinyin* telah diperkenalkan pada Februari 1956 di negara China bertujuan menyediakan satu sistem pembelajaran dan pengajaran Bahasa Mandarin yang baik. Sistem *Hanyu Pinyin* yang berdasarkan ejaan rumi terdiri daripada 21 konsonan dan 6 vokal. Kini, sistem *Hanyu Pinyin* digunakan di institusi-institusi pendidikan seluruh dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

termasuk Malaysia semasa mempelajari Bahasa Mandarin. Di kebanyakan institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti UiTM, UPM, INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara), kursus Bahasa Mandarin tahap permulaan diajar dengan menggunakan sistem *Hanyu Pinyin* dalam mentranskripsikan Bahasa Mandarin.

Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang bernada. Nada merupakan perubahan kelangsingan bunyi. Nada merupakan sebahagian daripada suku kata. Nada yang berbeza membentuk suku kata yang berbeza. Dalam erti kata yang lain, nada dalam Bahasa Mandarin bersifat fonemik. Sebutan nada dalam Bahasa Mandarin terdiri daripada satu jenis nada neutral dan empat jenis nada yang berbeza, iaitu nada pertama, nada kedua, nada ketiga, dan nada keempat. Selain daripada empat jenis nada yang berbeza, terdapat satu jenis nada yang disebut dengan lembut dan pendek yang dinamakan nada neutral (轻声). Nada ini tidak menggunakan tanda diakritik. Misalnya, sebutan akhir nada dalam /māma/ (妈妈 emak) ialah nada neutral. Oleh itu, satu suku kata dalam Bahasa Mandarin yang mempunyai nada berbeza boleh membawa maksud yang berbeza.

Jadual 1.4
Penggunaan nada dalam Bahasa Mandarin

Suku kata dengan nada	Perkataan	Maksud
mā	妈	emak
má	麻	guni
mǎ	马	kuda
mà	骂	marah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Kesilapan Sebutan Nada

Kesilapan sebutan nada yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada dan sebutan nada neutral yang biasa dilakukan oleh pelajar penutur bukan jati secara konsisten dan sistematik dalam pertuturan Bahasa Mandarin. Contohnya, para pelajar yang melakukan kesilapan sebutan nada /mā/ kepada /má/.

1.9.5 Kata Dwisuku

Kata dwisuku merupakan struktur asas untuk Bahasa Mandarin (Guo, 1993). Terdapat lebih daripada 20 jenis kategori yang disusun mengikut susunan nada yang berbeza termasuk modifikasi nada dan nada neutral.

Contoh:

(a) Kata dwisuku sebutan nada

/dà/ (nada keempat) + /jiā/ (nada pertama) = /dà jiā/ (大家 kita)

/xué/ (nada kedua) + /xiào/ (nada keempat) = /xué xiào/ (学校 sekolah)

(b) Kata dwisuku sebutan modifikasa nada

/bù/ (nada keempat) + /yào/ (nada keempat) = /bú yào/ (不要 Tidak nak)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Kata dwisuku sebutan nada neutral

/xué/ (nada kedua) + /sheng/ (nada neutral) = /xué sheng/ (学生 pelajar)

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada dan sebutan nada neutral yang diujarkan oleh para pelajar semasa pembelajaran Bahasa Mandarin. Selain itu, kajian ini wajar dijalankan disebabkan kajian tentang kesilapan sebutan nada pelajar UiTM adalah sangat kurang.

Selain itu, diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada tenaga pengajar di samping membawa faedah kepada para pelajar supaya pengajaran dan pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin menjadi mudah, seronok, tepat dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menghuraikan aspek tentang sistem fonetik dalam Bahasa Mandarin, perbezaan nada antara Bahasa Mandarin dan Bahasa Malaysia, faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan sebutan nada, penjelasan tentang teori-teori yang digunakan dalam kajian ini dan meninjau terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Sistem Fonetik dalam Bahasa Mandarin

Fonetik ialah ilmu bahasa (linguistik) yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya (Kamus Dewan, 2007: 414). Pembelajaran bahasa asing dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu fonetik, perbendaharaan kata dan tatabahasa (Zao, 2003). Apabila seseorang mempelajari sesuatu bahasa, beliau mestilah bermula dengan sistem fonetik bahasa terlebih dahulu. Selain itu, fonetik merupakan suatu kajian tentang bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia iaitu bunyi yang digunakan sebagai alat komunikasi (Inderawati Zahid & Mardian Shah Omar, 2006).

Secara amnya, setiap suku kata dalam perkataan Bahasa Mandarin mengandungi fonem awal, fonem akhir dan juga nada. Nada dalam Bahasa Mandarin mempunyai nada yang tersendiri, iaitu pic tinggi, pic rendah, pic turun naik dan sebagainya telah menjadi keistimewaan semasa mempelajari Bahasa Mandarin (Zhang & Chen, 2005).

Fonem awal dalam sistem fonetik Bahasa Mandarin merupakan konsonan pada permulaan suku kata. Terdapat 21 fonem awal dalam Bahasa Mandarin. Sebutan dan simbol-simbol pinyin adalah seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1
Senarai Fonem Awal

/b/	/p/	/m/	/f/		/d/	/t/	/n/	/l/		/g/	/k/	/h/
/j/	/q/	/x/		/zh/	/ch/	/sh/	/r/		/z/	/c/	/s/	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, fonem akhir ialah vokal yang terletak selepas fonem awal dalam sesuatu suku kata. Fonem ini boleh dalam bentuk tunggal, majmuk atau dalam bentuk konsonan nasal pada akhir. Terdapat 38 fonem akhir dalam Bahasa Mandarin. Sebutan dan simbol-simbol *Hanyu Pinyin* adalah seperti dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2:
Senarai Fonem Akhir

/er/			
/-i/	/i/	/u/	/ü/
/a/	/ia/	/ua/	
/o/		/uo/	
/e/			
/ê/	/ie/		/üe/
/ai/		/uai/	
/ei/		/uei/	
/ao/	/iao/		
/ou/	/iou/		
/an/	/ian/	/uan/	/üan/
/en/	/in/	/uen/	/ün/
/ang/	/iang/	/uang/	
/eng/	/ing/	/ueng/	
/ong/	/iong/		


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Bahasa Mandarin merupakan bahasa bernada. Nada merupakan sebahagian daripada suku kata (Lee, Lau & Mok, 2004). Setiap suku kata Bahasa Mandarin bukan hanya terdiri daripada gabungan fonem awal dan fonem akhir sahaja,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetapi juga mengandungi sebutan nada. Nada yang berbeza membentuk suku kata dan makna yang berbeza (Zhou, 2006). Sebagai contoh: 妈 /mā/ (ibu), 麻/má/ (kuda), 马 /mǎ/ (kuda), 骂 /mà/ (marah). Skala berikut menerangkan perbezaan antara keempat-empat nada ini (Rujuk Rajah 2.1).



(Sumber: Massachusetts Institute of Technology, 2015)

Rajah 2.1. Sebutan Nada yang Berbeza

Dalam satu suku kata yang mempunyai dua fonem, tanda diakritik ini akan ditandai di atas fonem akhir, iaitu di atas vokal seperti dalam Jadual 2.3. Contohnya: /tā/ (他 dia), /dá/ (答 menjawab), /nǎ/ (拿 ambil), /là/ (辣 pedas).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3
Senarai Nada Pada Fonem Akhir

Nada pertama	:	**/ā/**	**/ō/**	**/ē/**	**/ī/**	**/ū/**	**/ǖ/**
Nada ke-2	:	**/á/**	**/ó/**	**/é/**	**/í/**	**/ú/**	**/ǘ/**
Nada ke-3	:	**/ǎ/**	**/ǒ/**	**/ě/**	**/ǐ/**	**/ǔ/**	**/ǚ/**
Nada ke-4	:	**/à/**	**/ò/**	**/è/**	**/ì/**	**/ù/**	**/ǜ/**

Dalam suku kata yang mempunyai tiga ataupun empat fonem iaitu akhirnya merupakan diftong atau triftong, tanda diakritik ini akan ditandai pada fonem akhir yang paling ketara sebutan vokalnya. Tanda-tanda diakritik terletak pada vokal yang paling ketara sebutannya. Sebagai contoh, /hǎo/ (好 baik), /hēi/ (黑 hitam), /kǒu/ (口 mulut), dan /dài/ (带 bawa).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Modifikasi Nada

Modifikasi nada merujuk kepada perubahan kelangsingan nada. Perubahan ini berlaku apabila suatu nada dipengaruhi oleh nada pada suku kata yang sebelumnya. Kebiasaannya, kata dwisuku yang melibatkan modifikasi nada akan menyusahkan pelajar semasa menyebut. Pola utama modifikasi nada adalah seperti berikut:

a. Jika suku kata yang mempunyai nada ke-3 diikuti dengan suku kata yang membawa nada ke-3 juga, nada pada suku kata sebelumnya bertukar kepada nada ke-2.

   Contoh: /nǐ/ + /hǎo/ = /ní hǎo/ (你好)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Jika suku kata bernada /bù/, nada pada suku kata akhir merupakan nada keempat, suku kata sebelumnya akan bertukar kepada nada /bú/.

   Contoh: /bù/ + /yào/ = /bú yào/ (不要)

c. Jika suku kata bernada /bù/, nada pada suku kata akhir merupakan nada pertama, nada kedua, dan nada ketiga, suku kata sebelumnya tidak akan bertukar nada /bù/.

   Contoh: /bù/ + /hǎo/ = /bù hǎo/ (不好)

d. Jika suku kata bernada /yì/, nada pada suku kata akhir merupakan nada keempat, suku kata sebelumnya akan bertukar kepada nada /yí/.

   Contoh: /yì/ + /xià/ = /yí xià/ (一下)

e. Jika suku kata bernada /yì/, nada pada suku kata akhir merupakan nada pertama, nada kedua, dan nada ketiga, suku kata sebelumnya tidak akan bertukar nada /yì/.

   Contoh: /yì/ + /qǐ/ = /yì qǐ/ (一起)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

f. Jika suku kata yang membawa nada ke-3 diikuti dengan nada-nada yang lain, nadanya berbunyi separuh nada ke-3 iaitu sebutan nada yang rendah tanpa kelangsingan nada menaik pada fonem akhirnya.

g. Nada untuk /yī/ disebut sebagai nada ke-2 (/yí/) apabila ia diikuti dengan suku kata yang membawa nada ke-4; namun demikian ia disebut sebagai nada ke-4 (/yì/) apabila ia diikuti dengan suku kata yang membawa nada-nada yang lain.

   Contoh: /yī/ + /zhāng/ = /yì zhāng/ (一张)

   /yī/ + /nián/ = /yì nián/ (一年)

   /yī/ + /qǐ/ = /yì qǐ/ (一起)

   /yī/ + /gòng/ = /yí gòng/ (一共)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Nada Neutral

Kadang kala sesuatu suku kata itu disebut dalam nada yang pendek dan lembut. Nada tersebut dipanggil nada neutral dan tiada tanda diakritik untuk nada ini (Zhou, 2006).

Contoh: nada neutral /ma/ dalam /mā ma/ (妈妈),
nada neutral /sheng/ dalam /xué sheng/ (学生)

2.3 Perbezaan Nada antara Bahasa Mandarin dan Bahasa Malaysia

Dalam sistem *Hanyu Pinyin*, tiap-tiap nada adalah diwakili oleh tanda-tanda diakritik. Tanda diakritik untuk nada pertama ialah (ˉ), nada kedua (ˊ), nada ketiga (ˇ), nada keempat (ˋ) dan nada neutral ialah nada yang tiada tanda diakritik.

Nada pertama biasanya menunjukkan garisan nada yang lurus, tetapi ada juga sebilangan kecil tidak lurus (Zhou, 2006). Terdapat sebilangan kecil nada pertama semasa sebutan menunjukkan garisan yang tidak lurus pada permulaan nada tetapi ia akan menjadi lurus selepas proses penyesuaian nada sebutan. Nada pertama merupakan sejenis Nada Aras Tinggi Lurus (高平调). Corak frekuensi nada pertama adalah dari 5 darjah (五度) mengekal pada 5 darjah (五度), tiada perubahan darjah secara penurunan atau peningkatan. Nada kedua merupakan sejenis Nada Peningkatan Aras Tinggi (高升调). Ia adalah bermula dari 3 darjah (三度) meningkat ke 5 darjah (五度). Maka, corak frekuensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk nada kedua adalah dari rendah ke tinggi. Nada ketiga merupakan Nada Penurunan dan Peningkatan (降升调). Corak frekuensi nada ketiga adalah adalah bermula dari 2 darjah (二度) menurun ke 1 darjah (一度) dan akhirnya sampai ke 4 darjah (四度). Nada keempat merupakan sejenis Nada Penurunan Sepenuh (全降调). Corak frekuensi nada keempat adalah adalah bermula dari 5 darjah (五度) menurun sepenuhnya ke 1 darjah (一度). Nada neutral disebut dalam nada yang pendek dan lembut. Nada tersebut dipanggil nada neutral dan tiada tanda diakritik untuk nada ini.

Selain itu, salah satu ciri keistimewaan Bahasa Mandarin yang membezakan dengan bahasa lain ialah nada dalam Bahasa Mandarin mempunyai nilai dari segi semantik. Sebutan nada mempunyai empat sebutan nada dan nada neutral yang sering mengelirukan para pelajar. Ini bermakna empat sebutan nada utama dalam Bahasa Mandarin adalah bersifat fonemik yang dapat berfungsi membezakan makna perkataan (Wang, 2004). Sebagai contoh, dalam frasa Bahasa Mandarin /măi mă/, apabila /mai/ disebut pada nada ketiga, ia bermaksud “beli kuda”, tetapi sekiranya disebut pada nada keempat /mài mă/, ia bermaksud “jual kuda” pula. Bukan sahaja itu, perkataan /mā ma/（妈妈 emak）, segelintir pelajar akan membaca dengan /mà ma/（骂 marah）. Walaupun kedua-dua perkataan mempunyai fonem awal dan fonem akhir yang sama, tetapi maksud antara dua-dua perkataan adalah jauh beza disebabkan perbezaan sebutan nada. Sebutan /mā/ （妈）merupakan sebutan nada pertama yang membawa maksud emak, manakala sebutan /mà/（骂 marah）merupakan sebutan nada keempat yang membawa maksud marah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, nada dalam Bahasa Malaysia tidak berfungsi sedemikian, ia hanya menunjukkan perasaan penutur dalam ayat sahaja. Contohnya, jikalau "beli kuda" disebut pada nada apa pun, ia tetap membawa maksud yang sama. Perbezaannya cuma perasaan penutur sahaja, iaitu sekiranya "beli kuda" disebut dengan nada mendatar, ia menunjukkan perasaan penutur adalah tenang. Sekiranya ia disebut dengan nada meninggi, perasaan penutur adalah hairan dan ingin bertanya sesuatu.

2.4 Faktor-faktor Menyebabkan Kesilapan Sebutan Nada

Semasa mempelajari bahasa-bahasa yang wujud di dunia ini, seseorang tidak akan terlepas dari melakukan kesilapan (Chai, 2007; Lee, 2007; Mohd Nasir, 2001; Dulay & Burt, 1974). Pelajar kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang salah dan kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang betul, dia sebenarnya telah melakukan kesilapan dalam pembelajaran bahasa asing (Ellis, 1997). Perkara ini telah dijelaskan oleh Corder (1981) bahawa:

> "*...All learners make mistakes. This is not confined to language learners. We all make mistakes when we are speaking our mother tounge...*".

Kebiasaannya, kesilapan bahasa dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin adalah merangkumi kesilapan sintaksis, kesilapan tatabahasa, kesilapan sebutan nada (sebutan nada pertama, nada kedua, nada ketiga, nada keempat, modifikasi nada dan nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

neutral). Nada merupakan bebanan yang paling berat antara suara, nada, dan intonasi dalam struktur sistem fonetik (Zao, 2003).

Sistem fonetik Bahasa Mandarin atau dikenali sebagai *Hanyu Pinyin* merupakan ilmu asas yang harus dipelajari. Dalam Bahasa Mandarin mengadungi 21 jenis fonem awal dan 38 jenis fonem akhir (rujuk Jadual 2.1 dan Jadual 2.2). Gabungan fonem awal dan fonem akhir boleh terbentuk sebanyak lebih kurang 400 jenis suku kata. Sekiranya setiap suku kata ditambahkan dengan nada, maka terbentuklah sebanyak lebih kurang 1600 jenis suku kata dengan nada yang membawa maksud yang berlainan (Jiang, 2011). Jadi, kadar kekerapan kesilapan sebutan nada dalam suku kata adalah tinggi jika seseorang pelajar tidak berupaya menguasai kemahiran dalam sebutan nada dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar melakukan kesilapan dalam bahasa semasa menulis atau bertutur adalah disebabkan kurang penumpuan, keletihan, kecuaian atau kerana aspek-aspek kelakuan lain (Richards dan rakan-rakan, 1992). Scovel (1998:46) pula menyimpulkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa kedua adalah disebabkan oleh kesilapan *interlingual* dan *intralingual*. Kesilapan *interlingual* yang berpunca daripada pemindahan bahasa yang mewujudkan bahasa penutur bahasa kedua yang dinamakan bahasa antara manakala kesalahan *intralingual* merupakan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang kanak-kanak yang mempelajari bahasa natif.

Kesilapan tidak seharusnya berlaku sekiranya kita mencapai teknik pengajaran yang sempurna (Corder, 1982). Maka, kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

apabila mempelajari bahasa sasaran adalah menunjukkan bahawa terdapat kekurangan di dalam teknik pengajaran. Manakala, Richards (1971; 1974:173) dalam kajian pula menyatakan kesilapan bahasa berlaku disebabkan oleh tiga jenis faktor, iaitu *interlingual* (ganguan bahasa ibunda), faktor *intralingual* (yang disebabkan oleh bahasa sasaran sendiri) dan *developmental* (kesilapan perkembangan). Hal ini dijelaskan oleh Richard (1974: 173) seperti dibawah:

> *"...interlanguage errors; that is, errors caused by the interference of the learner's mother tongue ...intralingual and developmental errors reflect the learner's competence at a particular stage, and illustrate some of the general characteristies of language acquisition. "*

a. Faktor *interlingual*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesilapan *interlingual* merupakan kesilapan yang berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda pelajar ke atas penghasilan bahasa. Faktor *interlingual* merujuk kepada kesilapan yang terhasil daripada pemindahan bahasa, disebabkan bahasa pertama pelajar (Chai, 2007). Hal ini merupakan tanda-tanda bahawa pelajar sedang menerokai dan mempelajari sistem bahasa baharu. Pelajar mempelajari bahasa kedua biasanya secara kurang sedar menggunakan pengalaman bahasa ibunda ke atas bahasa ketiga. Cara dan strategi pembelajaran ini merupakan salah satu punca melakukan kesilapan sebutan nada. Pemindahan secara negetif daripada bahasa ibunda ini dapat dilihat contoh-contoh seperti pelajar Melayu tidak boleh membezakan sebutan fonem awal /p/ dan /f/ dalam Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, gangguan bahasa ibunda juga menyebabkan seseorang pelajar melakukan kesilapan sebutan. Misalnya, pelajar secara automatik akan menggunakan kombinasi nada pertama dan keempat untuk menyebut perkataan “Selamat Datang” (Se(55)-la-(55)-mat(51) Da(55)-tang(51). Secara kebiasaannya, pic nada dalam Bahasa Malaysia biasanya lebih rendah dan Bahasa Malaysia tidak mempunyai bunyi nada kedua dan nada ketiga, jadi mereka yang menyebut perkataan dalam Bahasa Mandarin tidak akan menggunakan nada tersebut (Cheun, Hoe & Ho, 2005).

b. Faktor *intralingual*

Kesilapan *intralingual* adalah kesilapan yang datang daripada struktur bahasa pertama sendiri. Dalam konteks ini, pelajar akan membuat anggapan yang kurang tepat terhadap bahasa sasaran/kedua (L2) dan seterusnya melakukan kesilapan dalam penyebutan. Richards (1974) berpendapat kesilapan intralingual adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu *over-generalization* (generalisasi melampau), *ignorance of rule restrictions* (kejahilan terhadap batasan peraturan bahasa), *incomplete application of rules* (penggunaan peraturan bahasa yang tidak sempurna), dan *false concepts hypothesized* (membuat andaian-andaian yang salah terhadap konsep bahasa). Sebagai contoh, pelajar akan menyebut bacaan vokal /ü/ (/y/) digantikan dengan bacaan /u/ (/u/) adalah disebabkan oleh generalisasi melampau (*over-generalization*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Faktor kesilapan *developmental*

Kesilapan *developmental* merupakan pembinaan sistem dan konsep yang salah oleh pelajar semasa mempelajari bahasa sasaran. Kesilapan *developmental* ini mencerminkan kemampuan bahasa penutur pada sesuatu peringkat dan memaparkan bahasa penutur pada sesuatu peringkat serta menunjukkan sedikit ciri-ciri umum pembelajaran bahasa kedua. Kesilapan ini dapat dilihat daripada strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa sasaran. Pelajar akan membuat hipotesis-hipotesis yang salah mengenai bahasa sasaran akibat kurang pemahaman tentang sistem bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat dua punca kesilapan oleh penutur bahasa kedua, iaitu kesilapan yang berpunca daripada kekeliruan hasil daripada pengaruh bahasa natif dan kekeliruan hasil daripada perkara yang dipelajari sebelum dalam bahasa kedua itu sendiri (Lewis, 1974:68). Menurut Halimah Haji Ahmad (1996:2),

> *"Kesilapan membabitkan faktor kemampuan. Kesilapan bererti pelajar memang belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakan. Kesilapan biasanya terjadi secara konsisten dan sistematis dan berlaku dalam tempoh yang agak lama apabila tidak dibetulkan. Sering juga dikatakan bahawa kesilapan merupakan gangguan pemahaman pelajar terhadap sistem bahasa yang sering dipelajarinya."*

Selain itu, Wyatt (1973), Soh (1996), Saw (1997), Chan (2006), Lee (2007), Ching (2008), Sandip (2013) masing-masing berpendapat bahawa kebanyakan kesilapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam proses pembelajaran bahasa kedua adalah berpunca daripada kriteria-kriteria berikut:

a. Gangguan daripada bahasa ibunda ataupun dielek bahasa pertuturan harian.
b. Pemindahan pembelajaran yang negetif.
c. Kekeliruan yang berpunca daripada kecuaian dan kurang pengetahuan tentang bentuk yang betul.
d. Kurang kebolehan dan keupayaan untuk menyatakan sesuatu menyebabkan pelajar terpaksa menggunakan bahasa ibunda untuk melahirkan pendapat dengan lebih efektif.

Manakala, dapatan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Lee, Lau & Mok (2004) ke atas pelajar UiTM Shah Alam dalam tajuk kajian *kesilapan sebutan fonem awal dan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin* telah menunjukkan bahawa secara kebiasaannya kesilapan sebutan nada yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor linguistik, faktor psikologi dan faktor ekstralinguistik.

Faktor linguistik adalah merujuk kepada faktor yang berkaitan dengan perihal bahasa. Beberapa faktor linguistik yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin, iaitu gangguan bahasa ibunda dan terkeliru sebutan nada. Penyelidik-penyelidik seperti Deng (2010), Jiang (2011), Shin (2012) dan lain-lain lagi telah mengenal pasti sebutan Bahasa Mandarin sukar dikuasai oleh pelajar asing kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka. Pendapat ini disokong oleh penyelidik tempatan seperti Lee, Lau & Mok (2004), Cheun, Hoe & Ho (2005), Lee

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2007) berpendapat bahawa pelajar Melayu tidak dapat menguasai sebutan nada adalah disebabkan terpengaruh oleh bahasa ibunda.

Faktor psikologi pula merujuk kepada faktor yang berkaitan dengan jiwa, fikiran ataupun anggapan pelajar. Ini boleh dibahagikan kepada minat, terlupa, pengaruh suku kata yang terletak sebelum dan selepas sesuatu nada, berasa sukar dan kehilangan keyakinan. Faktor psikologi ini juga disokong oleh pengkaji Chai (2007). Chai (2007) dalam kajian *Penggunaan Preposisi Bahasa Cina Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan* berpandangan bahawa pemahaman pelajar terhadap bahasa sasaran rendah, maka kesilapan sering berlaku, sebaliknya apabila tahap pemahaman pelajar semakin tinggi atau meningkat, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar terhadap bahasa sasaran akan berkurangan. Sikap pelajar yang kurang inisiatif atau bermotivasi tinggi untuk berlatih dan mendedahkan diri kepada persekitaran pembelajaran Bahasa Mandarin juga merupakan punca utama kesilapan sebutan nada bagi kata dwisuku (Lee, Lau & Mok, 2004). Minat dalam mempelajari sesuatu bahasa mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi intrinsik (Weber, 2003). Pelajar-pelajar yang bermotivasi secara intrinsik untuk belajar sering berprestasi lebih baik di sekolah ataupun institusi pengajian tinggi (Ryan & Deci, 2000). Maka, faktor psikologi akan mendorong pelajar dalam mempelajari Bahasa Mandarin dan mengurangkan kesilapan sebutan nada.

Faktor ekstralinguitik adalah merujuk kepada faktor-faktor yang tidak berkaitan dengan elemen bahasa ataupun di luar skop linguistik. Faktor-faktor ekstralinguistik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebabkan pelajar melakukan kesilapan sebutan nada adalah seperti pendedahan dan persekitaran pembelajaran Bahasa Mandarin, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, waktu perkuliahan dan sikap pelajar. Faktor ekstralinguistik telah disokong oleh pengkaji Shin (2012). Dalam kajian Shin (2012) telah memilih seramai 88 orang pelajar Korea untuk menjawab borang soal selidik. 57.9% pelajar Korea berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sebutan nada Bahasa Mandarin adalah disebabkan waktu perkuliahan yang tidak mencukupi. Mereka berasa tempoh pembelajaran Bahasa Mandarin haruslah melebihi 1 tahun ke atas. Secara keseluruhan, hampir 44.3% pelajar berpendapat sebutan nada merupakan bidang yang paling sukar dikuasai jika berbanding dengan perkataan (34.1%), *Pinyin* (12.5%), lain-lain (9%). Ini telah membuktikan pelajar akan menghadapi masalah komunikasi sekiranya tidak berupaya menguasai sebutan nada dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kesilapan merupakan perkara yang semula jadi, iaitu sebagai satu proses pembelajaran yang amat diperlukan (Noor Aini Dani, 1996). Kesilapan bukanlah hanya disebabkan kesilapan gangguan bahasa ibunda, malahan disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti yang dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji. Oleh itu, ini telah menunjukkan pelajar tidak akan terlepas dari membuat kesilapan-kesilapan bahasa semasa mempelajari Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teori Analisis Kesilapan

Di Malaysia, Bahasa Mandarin diperkenalkan sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing di sekolah dan institusi pendidikan tinggi, namun masih terdapat ramai pelajar bukan penutur jati tidak dapat menguasai dengan baik. Analisis kesilapan muncul sebagai satu displin baharu dalam linguistik terapan apabila terbitnya buku "*The Significance of Learners Errors*" oleh S. Pit Corder (1967). Proses pemerolehan bahasa ketiga atau bahasa asing adalah sama seperti proses pemerolehan bahasa pertama oleh kanak-kanak walaupun motivasi untuk mempelajari bahasa tersebut adalah berbeza (Corder, 1967).

Untuk menerangkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing, analisis kesilapan telah diperkenalkan oleh Corder (1981). Corder (1981) telah membezakan kesilapan (error) dan kesalahan (mistake) yang dilakukan oleh penutur. Kesilapan semasa penggunaan bahasa sasaran merupakan suatu fenomena biasa di dalam proses pemerolehan bahasa sasaran oleh seseorang pelajar. Kesilapan dilakukan oleh pelajar semasa menulis atau bertutur disebabkan kurang penumpuan, keletihan, kecuaian atau kerana aspek-aspek kelakuan ini (Richards, Platt, Weber dan Candlin, 1992). Jika pelajar kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang salah dan kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang betul, dia sebenarnya melakukan kesilapan (Ellis, 1997).

Menurut Corder (1981), adalah tidak wajar untuk mengharapkan orang yang baharu mempelajari bahasa kedua tidak melakukan kesilapan memandangkan dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seharusnya mengalami sesuatu keadaan luaran dan dalaman yang sama semasa dalam mempelajari bahasa pertama dan bahasa kedua. Oleh itu, Corder (1981:10) telah mengemukakan pandangan beliau bahawa analisis kesilapan merupakan suatu instrumen yang baik untuk meneliti sistem bahasa antara pelajar bahasa kedua melalui tiga signifikan, iaitu:

a. Kesilapan dapat memberi gambaran kepada guru tentang sejauh mana pelajar sesuatu bahasa kedua telah maju dan perkara-perkara yang belum dikuasainya.
b. Kesilapan-kesilapan ini menjadi bukti kepada penyelidik tentang cara pembelajaran bahasa kedua, dan strategi atau prosedur yang diguna pakai oleh penutur untuk mempelajari bahasa kedua.
c. Kesilapan-kesilapan bagi penutur merupakan cara untuk belajar kerana mereka dapat menguji hipotesis tentang bahasa yang sedang dipelajari.

Menurut pendekatan analisis kesilapan, gangguan bahasa ibunda bukannya sebab yang tunggal punca kesilapan, sebaliknya ada faktor-faktor lain menyumbang kepada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Namun gangguan bahasa ibunda hanya dapat meramal dan menerangkan sebahagian kesilapan yang dilakukan oleh pelajar asing. Oleh itu, banyak kesilapan masih memerlukan analisis kesilapan untuk memberi penerangan.

Di samping itu, teori analisis kesilapan ini menerangkan data yang benar-benar wujud. Teori analisis kesilapan merupakan satu cara untuk menganalisis pembelajaran pelajar dalam bahasa kedua. Hal ini kerana analisis kesilapan dapat menentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedudukan seseorang penutur bahasa kedua dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan turut memberi gambaran tentang perkara-perkara yang telah dikuasai dan perkara-perkara perlu dikuasai supaya dapat menjadi penutur bahasa kedua yang efisyen seperti seseorang penutur jati (Corder, 1981). Menurut pendekatan analisis kesilapan, gangguan bahasa ibunda bukannya sebab yang tunggal punca kesilapan, sebaliknya ada faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kesilapan turut dilakukan oleh pelajar.

2.6 Kajian-kajian Lepas

Secara umumnya, Bahasa Mandarin merupakan antara salah satu bahasa yang terkenal di medan antarabangsa, terutamanya sebutan nada (sebutan nada pertama, nada kedua, nada ketiga, nada keempat), modifikasi nada dan nada neutral. Umumnya, terdapat banyak kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar negara dan tempatan.

2.6.1 Kajian-kajian Luar Negara

Kewujudan negara China sebagai salah sebuah negara yang kuasa ekonomi yang kedua besar di dunia selepas Amerika Syarikat, maka Bahasa Mandarin telah menjadi satu bahasa yang mempunyai nilai ekonomi pada abad ke-21 ini. Kini, semakin ramai orang asing menjelajah ke negara China untuk belajar bahasa Mandarin. Oleh itu, terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak kajian telah dibuat terhadap pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin, terutamanya penyelidikan yang berkaitan dengan analisis kesilapan sebutan nada.

Kajian di luar negara seperti Jiang (2011) dalam peringkat tesis sarjana yang berjudul *Hanguo Liu Xuesheng Xide Hanyu Shengdiao Yanjiu*（韩国留学生习得汉语声调研究）telah dijalankan terhadap 9 orang pelajar Korea yang sedang mengambil Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua Tahap 1 di *Liao Ning Normal University, China*. Kajian beliau telah memfokus kepada analisis kesilapan sebutan nada, sebutan fonem awal dan fonem akhir untuk pelajar Korea. Dapatan kajian beliau telah membuktikan bahawa nada merupakan salah satu pembelajaran yang paling sukar bagi pelajar yang mengambil Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Kata dwisuku kategori sebutan nada keempat dan sebutan nada kedua merupakan terbanyak pelajar yang melakukan kesilapan. Sebanyak 80% pelajar yang tidak berupaya menyebut perkataan /wèn tí/ (问题) dengan tepat. Seterusnya, beliau juga mencadangkan beberapa cara pengajaran yang berkesan untuk mengatasi masalah tersebut. Beliau berpendapat bahawa dengan mengetahui persamaan dan perbezaan fonetik Bahasa Mandarin dan Bahasa Korea, penguasaan terhadap kedua-dua bahasa ini akan dipermudahkan.

Selain itu, Shin (2012) telah mengkaji secara mendalam terhadap 13 buah sumber pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Beliau telah mendapati kebanyakkan sumber pengajaran dan pembelajaran tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya ke atas sebutan nada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai contoh, salah sebuah sumber yang berjudul *Shijie Shaoer Hanyu Diyice* （世界汉语第一册）untuk kelas Bahasa Mandarin Tahap 1 hanyalah memberi penjelasan yang amat ringkas terhadap empat sebutan nada. Walaupun sumber tersebut mempunyai latih-tubi yang berkaitan empat sebutan nada, tetapi secara keseluruhannya adalah tidak mencukupi untuk pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Maka, pengkaji telah mencadangkan bahawa kesemua sumber pengajaran dan pembelajaran haruslah mengandungi penjelasan empat sebutan nada, latihan empat sebutan nada yang lengkap supaya mengurangkan pelajar melakukan kesilapan sebutan empat nada semasa pertuturan Bahasa Mandarin.

Bukan itu sahaja, Sandip (2013) dan Deng (2010) masing-masing memberi tumpuan terhadap kajian analisis kesilapan sebutan fonem awal dan nada dan seterusnya mencadangkan kaedah peningkatan pengajaran dalam Bahasa Mandarin. Kajian tesis peringkat sarjana Sandip (2013) berjudul *Error analysis of Chinese pronunciation of Indian students and how to counter through teaching methods* yang melibatkan pelajar India dari *Universiti New Delhi, Universiti Nihelu*, dan Universiti Antarabangsa India yang sedang mengikuti kelas Bahasa Mandarin Tahap 1 di negara India. Dapatan kajian beliau telah mendapati pelajar tidak berupaya menguasai sebutan fonem awal /x/, fonem akhir /ü/ dan /ing/, dan nada ketiga. Sebanyak 80% pelajar menyebut silap sebutan fonem awal /x/, 70% dan 66.67% pelajar menyebut silap fonem akhir /ü/ dan /ing/, dan 86.67% pelajar menyebut silap sebutan nada ketiga. Punca utama pelajar melakukan kesilapan dalam sebutan nada dan fonem adalah disebabkan oleh gangguan bahasa pertama dan bahasa kedua, waktu perkuliahan yang singkat, sikap pelajar yang tidak berminat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fasiliti universiti yang tidak lengkap. Oleh sebab itu, beliau telah mencadangkan beberapa kaedah seperti pembelajaran kontekstual, kaedah perbandingan, kaedah tunjuk cara (demostrasi), kaedah latih-tubi dan sebagainya untuk membantu pelajar memperbetulkan sebutan fonem awal, fonem akhir dan nada.

Manakala, Deng (2010) pula menjalankan suatu kajian peringakat sarjana berjudul *The comparison of errors in Mandarin acuqisition between Chinese students and non-Chinese students of Medan, Indonesia*. Kajian beliau adalah membuat pembandingan dalam kesilapan sebutan fonem awal dan nada antara pelajar keturunan Tionghua dan pelajar bukan keturunan Tionghua dari Medan, Indonesia. Dapatan kajian beliau telah mendapati kebanyakan pelajar keturunan Tionghua melakukan kesilapan sebutan fonem awal dalam sebutan palatal-daun lidah （舌尖后音） dan alveolus-daun lidah （舌尖前音） . Seterusnya, kebanyakan pelajar bukan keturunan Tionghua telah melakukan kesilapan dalam sebutan fonem awal beraspirasi （送气音） ke fonem awal tidak beraspirasi （不送气音）. Selain daripada mengkaji kesilapan sebutan fonem awal, beliau juga mengkaji kesilapan sebutan nada antara pelajar keturunan Tionghua dan pelajar bukan keturunan Tionghua. Dapatan kajian telah mendapati kebanyakkan pelajar keturunan Tionghua (sebanyak 34.44%) melakukan kesilapan sebutan nada ketiga dan sebutan nada pertama dalam kata dwisuku. Sebagai contoh, pelajar keturunan Tionghua telah menyebut kata dwisuku /chuǎn xī/ （喘息） kepada /chuán xī/ （传息）. Manakala, kebanyakan pelajar bukan keturunan Tionghua (sebanyak 48.33%) melakukan kesilapan sebutan nada pertama dan sebutan nada pertama dalam kata dwisuku. Contohnya, pelajar bukan keturunan Tionghua telah menyebut kata dwisuku /zhuī jiū/ （追究）kepada /zhuì jiù/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

（坠就）. Demi mengurangkan kekerapan pelajar melakukan kesilapan dalam sebutan nada, maka Deng (2010) telah mencadangkan beberapa cadangan seperti menjalankan ujian mendengar dan menjawab, tunjukcara sebutan daripada cikgu, memperbanyakkan lagi latihan tubi sebutan dan sebagainya supaya dapat memperbaiki sebutan fonem awal dan nada pelajar Indonesia yang keturunan Tionghua dan bukan keturunan Tionghua.

Bukan sahaja itu, dalam kajian tesis peringkat sarjana berjudul *An analysis on errors in the third tone of by-syllable of Mandarin produced by the junior stage overseas Indonesian students of Chinese origin* oleh Cheng (2006) telah memfokuskan kepada 22 orang pelajar Indonesia yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin di Jinan Universiti, Guangzhou, China. Dalam kajian beliau telah memberi tumpuan kepada 8 kategori yang mengandungi 48 jenis kata dwisuku. 48 jenis kata dwisuku adalah pilihan daripada *Hanyu Shuiping Cihui Yu Hanzi Dengji Dagang* （汉字水平词汇与汉字等级大纲）. Seterusnya, pic sebutan nada pelajar Indonesia dengan sebutan nada pelajar China akan dirakam oleh perisian *Cool Edit*. Akhirnya, sebutan nada oleh pelajar yang telah dirakam akan dianalisis oleh perisian *Praat* untuk membuat perbandingan. Dapatan kajian telah menunjukkan sebanyak 36.36% pelajar Indonesia melakukan kesilapan yang amat tinggi dalam kategori sebutan nada ketiga dan sebutan nada kedua (/lǚ xíng/ 旅行, /qǐng qíu/ 请求, /xǐan rán/ 显然, /jiǎn chá/ 检查). Pangajaran dan pembelajaran yang berkesan juga dicadangkan oleh pengkaji untuk memperbetulkan sebutan nada. Antara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah termasuklah penyediaan sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran dalam sebutan nada dengan lengkap, memupuk kesedaran terhadap nada, pengajaran *Yuyin* harus selaras dengan prinsip-prinsip pengajaran Bahasa Mandarin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai bahasa kedua, berlatih nada dalam kata dwisuku secara kaedah nyanyi-baca, dan menggunakan multimedia seperti perisian *Praat* semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin.

Selain daripada tesis peringkat sarjana, jurnal-jurnal berkaitan dengan analisis sebutan nada dalam Bahasa Mandarin juga boleh didapati ekoran daripada kekuatan sepasukan penyelidikan yang berprofesional di negara China. Ji (2010) dalam kajian yang bertajuk *An error analysis of the tones of Chinese disyllables by the Arab Chinese – learning beginners* telah mengkaji kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin oleh pelajar Arab di Universiti Cairo, Egypt. Beliau telah menggunakan perisian *Praat* untuk menganalisis kesilapan sebutan nada kata dwisuku oleh 15 orang pelajar Arab yang mengikuti program Bahasa Mandarin. Dapatan kajian beliau telah menunjukkan kata dwisuku daripada kategori C dengan sebutan nada ketiga dan sebutan nada neutral (3-0 本子) dan sebutan nada ketiga dan sebutan nada kedua (3-2 警察) masing-masing mencapai kesilapan sebutan nada yang paling tinggi, iaitu sebanyak 93% dan 80%. Masa perkuliahan untuk pelajar Arab yang mengikuti kelas Bahasa Mandarin Tahap 1 adalah sangat singkat, tambahan pula pelajar harus menggunakan dua minggu untuk mempelajari fonem awal, fonem akhir, modifikasi nada, nada, dan *Hanyu Pinyin*. Maka, ini merupakan punca utama yang menyebabkan pelajar Arab tidak dapat menguasai nada dengan baik semasa pembelajaran Bahasa Mandarin.

Han (2005) dalam kajiannya berjudul *Analysis on overseas Vietnamese students' tone deviance and countermeasure in instruction* pula memfokuskan kepada perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebutan nada antara Bahasa Mandarin dengan Bahasa Vietnam, dan cadangan kaedah pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan prestasi pelajar Vietnam semasa menyebut nada dengan betul. Berdasarkan kajian yang dijalankan, Han (2005) telah mengenal pasti beberapa kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Vietnam semasa pembelajaran nada dalam Bahasa Mandarin. Antara beberapa kesukaran adalah seperti berikut:

a. Sebutan nada keempat tidak menyebut secara tepat.

Ini adalah disebabkan Bahasa Vietnam tidak mempunyai sebutan nada keempat. Bahasa Vietnam hanya mempunyai nada 3 darjah (三度) menurun ke 2 darjah (二度). Penurunan darjah dalam Bahasa Vietnam yang tidak ketara ini akan menyebabkan pelajar tidak berupaya menyebut sebutan nada keempat yang dari 5 darjah (五度) menurun ke 1 darjah (一度) dalam Bahasa Mandarin.

b. Kekeliruan sebutan nada pertama dan sebutan nada keempat.

Bahasa Vietnam tidak mempunyai sebutan penurunan nada yang ketara, maka pelajar akan sentiasa mengelirukan sebutan nada pertama dan sebutan nada keempat. Kebanyakan pelajar akan menyebut dengan silap sebutan nada pertama ke sebutan nada keempat, ataupun menyebut dengan silap sebutan nada keempat ke sebutan nada pertama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Sebutan nada ketiga yang ketidaktepatan

Sebutan nada /wen/ （问声） dalam Bahasa Vietnam adalah bermula dari nada 3 darjah menurun ke 2 darjah, dan seterusnya menaik semula ke 3 darjah. Maka, sebutan nada /wen/ adalah lebih kurang dengan sebutan nada ketiga dalam Bahasa Mandarin, iaitu bermula dari nada 2 darjah menurun ke 1 darjah, dan seterusnya menaik semula ke 4 darjah. Walaupun corak penurunan dan menaik semula darjah dalam nada wen dalam Bahasa Vietnam dan nada ketiga dalam Bahasa Mandarin adalah lebih kurang sama, tetapi pelajar masih akan melakukan kesilapan semasa menyebut sebutan nada ketiga dalam Bahasa Mandarin.

Disebabkan pelajar Vietnam selalu melakukan kesilapan menyebut nada, oleh itu, beliau telah mengemukakan beberapa kaedah yang berkesan semasa pembelajaran Bahasa Mandarin seperti berlatih secara berulangan, memperbetulkan kesilapan para pelajar dengan secepat mungkin, membezakan sebutan nada /wen/ dengan sebutan nada ketiga, melatih dengan bersungguh-sungguh terhadap 84 jenis perkataan yang biasa digunakan dalam pertuturan seharian supaya dapat mengurangkan pelajar melakukan kesilapan dalam sebutan nada.

Selain itu, satu kajian yang berjudul *An analysis of the tone errors of the Nepalese students* tentang kesilapan sebutan nada pelajar Nepal juga dibuat oleh Yu & Wang (2005). Yu & Wang (2005) telah menggunakan 56 jenis kata dwisuku, 10 kata trisuku, 10 kata empat suku, perkataan perubahan nada /yī/ （‘一’的变调）, perkataan perubahan nada /bù/ （‘不’的变调）, dan nada neutral sebagai analisis kesilapan sebutan nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar Nepal. Kajian ini ditujukan kepada 11 pelajar Nepal yang terdiri daripada 7 lelaki dan 4 perempuan yang sedang mengambil kursus perubatan di negara China. Dapatan kajian telah menunjukkan kesilapan sebutan nada keempat merupakan kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar Nepal dalam kategori kata dwisuku. Lantaran itu, kajian ini juga mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk mengurangkan kesilapan sebutan nada yang dilakukan oleh pelajar. Cadangan-cadangan adalah seperti menggunakan carta nada, gaya tangan untuk menunjukkan nada pertama, nada kedua, nada ketiga, atau nada keempat.

Bukan sahaja itu, Xu (2006) dalam kajian beliau berjudul *Eluosi Liuxuesheng Hanyu Shengdiao Pianwu Yanjiu*（俄罗斯留学生汉语声调偏误研究）telah menjalankan sautu kajian ke atas pelajar Rusia yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Oleh kerana Bahasa Rusia merupakan sejenis bahasa yang tiada nada, maka, para pelajar akan menyebut perkataan secara “loghat asing” disebabkan gangguan bahasa ibunda. Sebagai contoh, kata dwisuku yang sebutan nada keempat disilap sebut ke sebutan nada pertama.

(a) /bàng wǎn/ (傍晚) → /bāng wǎn/

(b) /kè fú/ (克服) → /kē fú/

(c) /tè dián/ (特点) → /tē dián/

(d) /yù xí/ (预习) → /yū xí/

(e) /fù xí/ (复习) → /fū xí/

(f) /zùo wén/ (作文) → /zūo wén/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah mengetahui kesilapan sebutan yang dilakukan oleh para pelajar Rusia, oleh itu beliau telah mencadangkan beberapa strategi untuk memperbaiki kesilapan sebutan Bahasa Mandarin. Strategi-strategi adalah seperti memperbanyakan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran, dan sebagainya.

Bukan sahaja itu, pengkaji-pengkaji juga memberi tumpuan kepada bidang sebutan fonem juga. Sebagai contoh, satu kajian berjudul *Analysis of Chinese pronunciation errors made by beginners of Thai students and countermeasures* yang telah dibuat oleh Chen (2010) terhadap pelajar yang berasal dari Thailand yang baru mengikuti kelas Bahasa Mandarin di negara China. Dalam kajiannya telah mengemukakan Bahasa Mandarin mempunyai 21 sebutan fonem awal, manakala Bahasa Thailand pula mempunyai 32 sebutan fonem awal. Konsonan /b/, /p/, /d/, /t/, /g/, /k/, /m/, /n/, /l/, /s/, /f/ adalah antara sebutan fonem awal yang terdapat dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Thailand. Fonem awal lain seperti /j/, /q/, /x/, /zh/, /ch/, /sh/, /h/, /r/, /z/, /c/ merupakan fonem awal yang terdapat dalam Bahasa Mandarin sahaja. Oleh itu, fonem awal yang hanya terdapat dalam Bahasa Mandarin sahaja selalu disebut salah oleh pelajar Thai. Kesilapan juga dilakukan oleh pelajar-pelajar Thai dalam sebutan fonem awal /h/ dan /k/. Misalnya, mereka selalu keliru dan salah sebut kedua-dua fonem awal ini, seperti perkataan /hē shuǐ/ (minum air) selalu salah sebut sebagai /kē shuǐ/. Maka, gangguan bahasa ibunda telah menjadi faktor utama yang menyebabkan pelajar Thai yang melakukan kesilapan dalam sebutan fonem awal, fonem akhir dan nada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab ramai pengkaji melibatkan diri dalam bidang penyelidikan Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, maka ini terbuktinya pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua kini di negara China adalah berada pada tahap yang memberangsangkan.

2.6.2 Kajian-kajian Tempatan

Bahasa Mandarin bukan sahaja mempunyai nilai ekonomi bahkan merupakan bahasa sosial di kalangan masyarakat Cina di negara kita, ini kerana 26 peratus daripada penduduk Malaysia ialah orang Cina dan kebanyakannya pernah belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina. Walaupun ini membuktikan bahawa negara Malaysia mementingkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin, tetapi tidak banyak pengkaji tempatan telah menjalankan kajian disertasi atau tesis yang berkaitan dengan analisis kesilapan sebutan nada. Kebiasaannya, kebanyakkan pengkaji tempatan akan memfokuskan kepada kesilapan tatabahasa, kesilapan sintaksis, perbandingan antara analisis kontrastif dan analisis kesilapan dalam Bahasa Mandarin dan sebagainya.

Ngeh (1995) telah menunjukkan bahawa pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) murid-murid tidak boleh menguasai sistem *Hanyu Pinyin* atau sistem fonetik dengan baik. Pada peringkat pengajian tinggi, kajian-kajian juga dilakukan ke atas pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Mandarin. Misalnya, Lee (2007) dalam disertasi peringkat sarjana berjudul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran Bahasa Mandarin hanyalah menumpukan kepada analisis kesilapan sintaksis oleh pelajar UiTM dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. Beliau telah menganalisis kekerapan 40 orang pelajar Melayu yang mengambil kursus Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Teknologi Pejabat daripada Universiti Teknologi Mara, cawangan Jengka, Pahang yang melakukan kesilapan seperti kesilapan ayat kepada kesilapan salah slot frasa （语序不当）, kesilapan salah frasa/perkataan （用词不当）, kesilapan kekurangan frasa/perkataan （成分残缺）, kesilapan berlebihan frasa/perkataan （成分多余）, kesilapan ayat /shi/ （‘是’字句）, kesilapan penterjemahan berdasarkan struktur ayat Bahasa Melayu （引用马来文句子翻译）. Seterusnya, dalam kajian beliau telah mencadangkan pelbagai cara seperti aktiviti main peranan, lakonan, nyanyian, permainan bahasa perantaraan dan lain-lain lagi untuk menarik minat dalam mempelajari Bahasa Mandarin untuk pelajar Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Lee (2007) yang menumpukan kepada kesilapan sintaksis oleh pelajar UiTM juga disokong oleh Yeoh (2005) dalam tesis peringkat sarjana yang berjudul *Analisis kesilapan tatabahasa dalam Bahasa Cina di kalangan pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pulau Pinang* untuk meneliti terhadap kesilapan tatabahasa dalam Bahasa Cina di kalangan pelajar sekolah menengah di Pulau Pinang. Kajian tersebut telah menumpukan perhatian kepada jenis-jenis kesilapan kata dan ayat Bahasa Cina yang wujud di kalangan pelajar akibat mereka tidak mahir dalam peraturan-peraturan tatabahasa Bahasa Cina. Beliau telah mengkategorikan kesilapan tatabahasa yang biasa dilakukan oleh pelajar sekolah menengah kepada lima jenis, iaitu kesilapan dalam penggunaan kata, kesilapan akibat pengaruh bahasa dialek, kesilapan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata arah, kesilapan penggunaan kata bilangan, dan kesilapan penggunaan penjodoh bilangan.

Selain itu, Soh (1996) dalam disertasi peringkat sarjana yang bertajuk *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan*. Beliau telah mengkaji kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar Melayu yang sedang mengikut program Bahasa Mandarin di INTAN. Dapatan kajian beliau telah menganalisiskan pelajar melakukan kesilapan frasa nama adalah berpunca daripada gangguan bahasa ibunda.

Walaupun subjek kajian dalam kajian Lee (2007), Soh (1996) dan Yeoh (2005) terdiri daripada penutur bukan asli, tetapi kajian mereka masih tidak merangkumi aspek analisis sebutan nada dalam Bahasa Mandarin. Sementara itu, kajian Lee, Lau dan Mok (2004) dalam penyelidikan mereka yang berjudul *Kesilapan sebutan fonem awal dan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin: satu kajian kes* terhadap pelajar intersesi peringkat diploma, UiTM Shah Alam terhadap 83 orang pelajar Diploma di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPDP) yang sedang mengikuti kursus Bahasa Mandarin. Mereka mendapati kategori utama kesilapan dalam aspek sebutan fonem awal ialah (i) kesilapan sebutan fonem awal plosif sebanyak 33.7%, (ii) kesilapan sebutan fonem awal afrikat sebanyak 25%, dan (iii) kesilapan sebutan fonem awal frikatif sebanyak 21.4%.

Manakala, empat kategori utama kesilapan yang mengikut urutan peratus kesilapannya ialah (i) kesilapan sebutan nada kedua (59.5%), (ii) kesilapan sebutan nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keempat (52.8%), (iii) kesilapan sebutan ketiga (36.7%), (iv) kesilapan sebutan nada pertama (27.5). Dapatan kajian ini telah menunjukkan pelajar paling banyak kesilapan menyalah sebut nada disebabkan pic nada dalam Bahasa Malaysia adalah lebih rendah dan mendatar sekiranya tidak diberi penekanan.

Selain itu, Goh (2009) dalam telah menjalankan suatu kajian ke atas pelajar UiTM, Shah Alam untuk mengenalpasti kesilapan sebutan komponen vokal /ü/ di kalangan penutur bukan jati. Seramai 40 orang pelajar daripada Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Pejabat terpilih yang menjadi sampel kajian. Dapatan kajian telah menunjukkan pelajar paling banyak melakukan kesilapan sebutan /ün/ (33.2%), diikuti dengan /üe/ (32.5%) dan /ü/ (26.5%). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat gangguan bahasa ibunda semasa pelajar melakukan kesilapan dalam penyebutan /ü/.

Roshidah (2010) dalam tesis peringkat Doktor Falsafah berjudul *Sistem fonetik dan fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* telah menjalankan kajian perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis dengan menganalisis kesilapan dan analisis kontrastif terhadap sistem fonetik dan fonologi. Beliau telah menjalankan tujuh ujian untuk menganalisis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa asing. Ujian tersebut adalah mengandungi ujian membezakan rakaman bunyi-bunyi vokal, ujian membezakan rakaman bunyi-bunyi konsonan, ujian rencana *(dictation)*, ujian menyebut bunyi rangkap vokal, ujian menyebut bunyi rangkap vokal dalam bentuk ayat, ujian penyebutan bunyi-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bunyi konsonan, dan ujian menguji pengeluaran bunyi-bunyi konsonan /n/ dan /j/. Beliau telah mencadangkan beberapa kaedah seperti kaedah artikulasi *(methode articulatoire)*, kaedah perbandingan, kaedah pertentangan pasangan minimal dan kaedah *verbo-tonal* untuk memperbaiki cara sebutan bunyi-bunyi Bahasa Perancis. Metodologi yang dijalankan oleh Roshidah adalah lebih kurang sama dengan analisis kesilapan nada Bahasa Mandarin, iaitu ujian menyebut bunyi rangkap vokal dan ujian menyebut bunyi rangkap vokal.

2.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, menurut tinjauan kajian-kajian lepas boleh disimpulkan bahawa kajian tempatan yang berkaitan dengan sebutan nada ke atas pelajar penutur bukan asli masih berkurangan. Justeru, kajian analisis kesilapan sebutan nada dijalankan untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari *Hanyu Pinyin* amatlah diperlukan.

Penguasaan bahasa asing banyak mendatangkan implikasi yang positif terhadap diri kita supaya menjadi ilmu penyuluh kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, kita perlu menguasai pelbagai bahasa asing agar menjadi satu kelebihan untuk menjadi modal insan yang cemerlang kepada negara sekali gus dapat melahirkan individu yang mampu bersaing di pentas antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral bagi kata dwisuku dalam *Hanyu pinyin* semasa pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga dalam kalangan pelajar Melayu UiTM. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral yang paling sukar bagi kata dwisuku mengikut persepsi subjek kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Ini merangkumi reka bentuk kajian, kerangka kajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prosedur kajian, subjek kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, analisis data, kajian rintis dan rumusan.

3.2 Reka Bentuk Kajian


Kajian ini bersifat kuantitatif. Reka bentuk kajian kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian tinjauan digunakan kerana ia merupakan cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam masa yang singkat daripada saiz sampel yang besar. Kajian tinjauan ini ialah tinjauan deskriptif. Tinjauan deskriptif bertujuan untuk memberi deskripsi tentang sesuatu sampel, umpamanya, dari segi peratusan subjek kajian yang menjawab soalan-soalan tinjauan. Dalam kajian ini, tinjauan deskriptif dilakukan untuk mengenal pasti kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral yang dilakukan oleh subjek kajian. Seterusnya, analisis dilakukan untuk mengenal pasti kata dwisuku yang sukar disebut mengikut persepsi subjek kajian yang telah dilakukan.

3.3 Kerangka Kajian

Untuk menganalisis kesilapan sebutan nada, pengkaji meneliti teori kesilapan yang sesuai digunakan untuk mencapai tujuan tersebut. Teori kesilapan yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah Teori Analisis Kesilapan (Corder, 1974) (Rujuk Rajah 3.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Teori Analisis Kesilapan


Teori Analisis Kesilapan merupakan satu teori dan kaedah penting dalam pedagogi bahasa dan kajian terhadap pembelajaran bahasa. Langkah-langkah yang digunakan dalam Teori Analisis Kesilapan termasuklah mengumpul data, mengenal pasti kesilapan-kesilapan, mengklasifikasikan kesilapan, kekerapan kesilapan yang dilakukan, dan mengenal pasti bahagian yang sukar dalam bahagian bahasa sasaran. Kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti kesilapan sebutan nada kata dwisuku, kekerapan kesilapan sebutan nada kata dwisuku dan kata dwisuku yang sukar disebut dalam setiap kategori (Rujuk Rajah 3.2).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Teori Analisis Kesilapan merupakan suatu pendekatan dalam mengenal pasti dan membezakan masalah yang dihadapi dalam sesuatu pembelajaran. Pendekatan yang digunakan untuk menerangkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa asing dalam kajian ini. Analisis kesilapan ini menerangkan data yang wujud. Analisis ini merupakan pengumpulan kesilapan yang sistematik, yang dianalisis dan dikelaskan dengan tujuan untuk memahami kesukaran sesuatu pembelajaran (Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim & Roslina Mamat, 2013). Oleh itu, analisis kesilapan dianggap sebagai pelengkap disebabkan dapat menunjukkan kesilapan yang benar-benar dilakukan oleh pelajar berdasarkan kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2. Teori Analisis Kesilapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Prosedur Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin yang dilakukan oleh pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 3. Carta aliran tentang prosedur kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 3.3. Carta Aliran Prosedur Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 1: Memilih kata dwisuku yang terdapat dalam buku teks Bahasa Mandarin Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang pernah dipelajari.

Langkah 2: Memilih UiTM Cawangan Kedah sebagai lokasi kajian. Pelajar Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 3 akan dipilih sebagai subjek kajian.

Langkah 3: Mengumpul data rakaman bacaan kata dwisuku daripada subjek kajian dan pakar *Yuyin*. Suara lelaki mempunyai corak frekuensi sebutan nada yang berbeza dengan suara perempuan (Zhang & Chen, 2005; Lin & Wang, 2005), maka pakar *Yuyin* lelaki dan perempuan dipilih disebabkan subjek kajian adalah terdiri daripada lelaki dan perempuan. Pengkaji akan merakam bacaan subjek kajian dan bacaan pakar *Yuyin* dengan menggunakan alat rakaman digital *Sony*. Setiap subjek kajian diberi peluang untuk membaca setiap kata dwisuku sebanyak 3 kali dan rakaman turut dibuat sebanyak 3 kali. Ini bertujuan untuk mengurangkan kecuaian dan sebagainya yang akan menjejaskan keputusan atau hasil sebutan nada. Rakaman audio yang telah dibuat ini kemudiannya dipindahkan dan disimpan di dalam komputer. Seterusnya, rakaman bacaan kata dwisuku yang dikumpul akan dianalisis oleh perisian *Praat*.

Di samping itu, borang soal selidik juga akan diedarkan kepada subjek kajian untuk mendapatkan persepsi para pelajar terhadap sebutan nada, sebutan modifikasi nada, dan sebutan nada neutral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah 4: Mengenal pasti dan mengkategorikan jenis-jenis kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin. Selain itu, kekerapan kesilapan sebutan nada kata dwisuku akan dikenal pasti. Seterusnya kata dwisuku yang sukar disebut dalam setiap kategori berdasarkan analisis yang dikenal pasti dan persepsi subjek kajian akan dibandingkan.

Langkah 5: Memaparkan dapatan kajian, iaitu pengkaji membuat rumusan dan laporan kajian.

3.5 Subjek Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seramai 88 orang pelajar Melayu yang mengambil Bahasa Mandarin Tahap 3 (kod kursus BMD 501) akan menjadi subjek kajian. Mereka terdiri dari 18 orang lelaki dan 70 orang perempuan (Rujuk Jadual 3.1) yang umur subjek kajian adalah di antara 22 hingga 24 tahun.

Subjek kajian ini dipilih dari Fakulti Perakaunan (13 orang pelajar dari kelas KAC 2205A, 16 orang pelajar dari kelas KAC 2206A, 15 orang pelajar dari kelas KAC 2206B, dan 19 orang pelajar dari kelas KAC 2206C) dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (11 orang pelajar dari kelas KAM 2285A dan 14 orang pelajar dari kelas KAM 2285B).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1:
Jumlah Subjek Kajian yang Terlibat dalam Kajian

Bil.	Program	Kod Kursus	Bil Pelajar
1	Fakulti Perakauan	KAC 2205A	13
2	Fakulti Perakauan	KAC 2206A	16
3	Fakulti Perakauan	KAC 2206B	15
4	Fakulti Perakauan	KAC 2206C	19
5	Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi	KAM 2285A	11
6	Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi	KAM 2285B	14
	JUMLAH		88

Walaupun subjek kajian terdiri daripada program yang berbeza, namun mereka mengikuti kelas Bahasa Mandarin yang sama tahap, menggunakan sukatan pelajaran yang sama dan juga diajar oleh pensyarah tetap dan sambilan. Subjek kajian pernah mengikuti kelas Bahasa Mandarin Tahap 1 (kod kursus BMD 401) selama satu semester, iaitu dari bulan Disember 2013 hingga ke April 2014 dan Bahasa Mandarin Tahap 2 (kod kursus BMD 451) selama satu semester, iaitu dari bulan Mei 2014 hingga ke bulan Ogos 2014. Tempoh subjek kajian yang pernah mempelajari Bahasa Mandarin adalah selama 7 hingga 12 bulan. Subjek kajian mula mempelajari Bahasa Mandarin semasa peringkat universiti.

Berdasarkan soal selidik yang dikumpulkan (Bahagian A: demografi), didapati kesemua subjek kajian bertutur Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda mereka. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pula menjadi bahasa perhubungan yang sering digunakan oleh subjek kajian di dalam komunikasi mereka bersama ahli keluarga, kawan-kawan dan pensyarah (Rujuk Jadual 3.2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2
Ringkasan Pengalaman Subjek Kajian dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin

Soalan / Respons	Frekuensi	
	Bilangan	Peratus
Soalan 5		
Bahasa harian yang kerap gunakan dalam pertuturan seharian. **(kedudukan *(rank)* mengikut mengikut kekerapan)**		
• Bahasa Melayu	88	100
• Bahasa Inggeris	87	98.8
• Bahasa Mandarin	-	-
• Lain-lain bahasa	1	1.2
Soalan 6		
Bilakah mula mempelajari Bahasa Mandarin?		
• Peringkat semasa pra-sekolah	0	0
• Peringkat semasa sekolah rendah	1	1.2
• Peringkat semasa sekolah menengah	0	0
• Peringkat semasa universiti	87	98.8
• Lain-lain	0	0
Soalan 7		
Tempoh anda pernah mempelajari Bahasa Mandarin		
• 1-6 bulan	0	0
• 7-12 bulan	88	100
• 13-18 bulan	0	0
• 19-24 bulan	0	0
• Lain-lain	0	0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, dua orang pakar (seorang lelaki dan seorang perempuan) sebutan *Yuyin* dipilih sebagai rujukan. Tujuan memilih pakar *Yuyin* adalah untuk melihat corak frekuensi yang menyebut kata dwisuku (sebutan nada, sebutan modifikasi nada, sebutan nada neutral) untuk menjalankan perbandingan sebutan dengan subjek kajian. Kriteria untuk pemilihan pakar dalam *Yuyin* adalah seperti berikut:

a. Berpengalaman selama 10 tahun ke atas dalam bidang sebutan *Yuyin*.

b. Menceburi aktif dalam bidang *Yuyin*.

c. Memiliki sijil peperiksaan *Putonghua Shuiping Ceshi* （普通话水平测试）yang dianjurkan oleh *Han Culture Center Malaysia* dan *Jiaoyu Weiyuanhui* （教育委员会）, Tianjin, China.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, untuk mengenal pasti persepsi subjek kajian terhadap kata dwisuku (sebutan nada, sebutan modifikasi nada, sebutan nada neutral) semasa pembelajaran Bahasa Mandarin, maka soal selidik akan diedarkan kepada semua subjek kajian yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Lokasi Kajian

Pemilihan lokasi untuk pengumpulan data dan analisis data merupakan isu yang perlu dipertimbangkan pada permulaan kajian ini. Lokasi kajian yang dipilih adalah UiTM Cawangan Kedah.

Di Malaysia, terdapat 35 buah UiTM, di mana 15 buah terletak di Semenanjung Malaysia dan yang lain terletak di Sabah dan Sarawak. UiTM Cawangan Kedah dipilih sebagai lokasi kajian untuk pengumpulan data dan analisis data kerana penyelidik merupakan pensyarah sambilan masa di UiTM Cawangan Kedah. Maka, ini akan memudahkan interaksi dan komunikasi antara penyelidik dengan subjek kajian di mana kerja pengumpulan data dan analisis data dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, pemilihan lokasi kajian pakar sebutan *Yuyin* untuk merakam adalah mengikut tempat permintaan daripada pakar *Yuyin*.

3.7 Instrumen Kajian

Untuk mendapatkan data dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen-instrumen kajian seperti borang soal selidik dan rakaman bacaan kata dwisuku Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Soal Selidik

Satu set borang soal selidik untuk subjek kajian disediakan oleh pengkaji sebagai salah satu instrumen kajian ini. Populasi kajian ini terdiri daripada Fakulti Perakauan dan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. Jumlah subjek kajian adalah seramai 88 orang pelajar.

Sebanyak 21 soalan (Bahagian A: 7 soalan; Bahagian B: 14 soalan) dalam soal selidik kajian ini akan disusun oleh pengkaji. Item-item dalam borang soal selidik tersebut dibina berdasarkan kajian Lee, Lau dan Mok (2004) dan Shin (2012) masing-masing yang mengkaji sebutan nada subjek kajian yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin. Borang soal selidik telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

(a) Bahagian A

Untuk mengumpul data tentang latar belakang subjek kajian, seperti jantina, bangsa, umur, aliran persekolahan subjek kajian, bahasa kerap digunakan dan tempoh pembelajaran Bahasa Mandarin.

(b) Bahagian B

Untuk mengumpul data tentang faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan sebutan nada berlaku, persepsi subjek kajian terhadap sebutan nada dalam kata dwisuku (kata dwisuku sebutan nada, kata dwisuku nada neutral dan kata dwisuku modifikasi nada) semasa pembelajaran Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi pengumpulan data ini bermula dengan memberi penerangan tentang objektif dan tujuan kajian ini dilakukan. Selepas itu, borang soal selidik diedarkan dan setiap subjek kajian diberi lebih kurang 20 minit untuk menjawab semua soalan yang terkandung dalam borang tersebut. Pengkaji juga turut memberi penerangan yang perlu sekiranya subjek kajian menghadapi kesukaran menjawab soalan. Borang soal selidik yang telah siap dijawab akan dikutip dengan serta merta tanpa memberi peluang kepada subjek kajian berbincang sesama mereka. Ini adalah penting untuk menjamin nilai keaslian dan ketepatan jawapan yang dikutip.

3.7.1.1 Penilaian Kesahan Kandungan Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan kandungan soal selidik dinilai oleh tiga orang pakar. Jadual 3.3 menunjukkan latar belakang pakar-pakar yang terlibat dalam pengesahan kandungan soal selidik.

Jadual 3.3
Latar Belakang Pakar Pengesahan Kandungan Soal Selidik

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
1	Profesor Madya	Akademi Pengajian Bahasa, UiTM	PhD (Bahasa Cina), Mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 (sambungan)

Bil	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran / Kelulusan
2	Profesor Madya	Akademi Pengajian Bahasa, UiTM	PhD (Psikologi Pendidikan), Mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga
3	Pensyarah Kanan	Jabatan Bahasa, Unit Pengajian Cina, IPG Kampus Sultan Abdul Halim (IPGKSAH), Kedah	MEd (Bahasa Cina), Pendidikan Bahasa Cina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Rakaman Bacaan Kata Dwisuku Bahasa Mandarin

Tiga kumpulan kata dwisuku akan dibentuk mengikut nada yang berbeza, iaitu kata dwisuku sebutan nada, kata dwisuku nada neutral dan kata dwisuku modifikasi nada. Kata dwisuku tersebut akan dirakam oleh alat perakam digitan *Sony*. Seterusnya, subjek kajian dan pakar *Yuyin* masing-masing akan membaca kata dwisuku sebanyak tiga kali dan dirakam oleh alat perakam digital *Sony*. Kemudian, kata dwisuku sebutan nada suara oleh pakar *Yuyin* dan subjek kajian akan dianalisis oleh perisian *Praat*. Perisian *Praat* akan digunakan untuk menjalankan proses perbandingan sebutan nada pakar *Yuyin* dan subjek kajian. Kata-kata dwisuku dikelaskan kepada empat kategori (A, B, C dan D) seperti yang dilaksanakan oleh Zhang dan Chen (2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demi memastikan instrumen kajian yang dilaksanakan tidak akan menjejaskan keputusan analisis, maka kata dwisuku yang dipilih adalah dari buku teks Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati Tahap 1, Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati Tahap 2 dan Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati Tahap 3 yang diterbitkan oleh *Xueer Publisher* (Rujuk Jadual 3.5). Jadual 3.5 pula menunjukkan kata dwisuku sebutan nada yang digunakan semasa rakaman kata dwisuku sebutan nada.

(a) Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada

Kata dwisuku sebutan nada yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kategori A, kategori B, kategori C, dan kategori D. Sebutan awal nada dalam kategori A merupakan sebutan nada pertama, dan diikuti oleh nada yang berbeza. Sebagai contoh, kumpulan 1-1 adalah terdiri daripada gabungan perkataan nada pertama dan nada pertama, kumpulan 1-2 adalah terdiri daripada gabungan perkataan nada pertama dan nada kedua, kumpulan 1-3 adalah terdiri daripada gabungan perkataan nada pertama dan nada ketiga dan sebagainya (Rujuk Jadual 3.4).

Jadual 3.4
Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada

Kategori		Kumpulan Kata Dwisuku			
A	:	1-1	1-2	1-3	1-4
B	:	2-1	2-2	2-3	2-4
C	:	3-1	3-2		3-4
D	:	4-1	4-2	4-3	4-4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak 15 kumpulan kata dwisuku yang berbeza boleh dibentuk daripada sebutan nada. Jumlah kumpulan kata dwisuku sebutan nada yang boleh dibentuk adalah seperti dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5
Kata Dwisuku Sebutan Nada yang Digunakan dalam Kajian

Kategori A	:	1-1	1-2	1-3	1-4
Kata Dwisuku	:	星期 /xīng qī/	非常 /fēi cháng/	恭喜 /gōng xǐ/	约会 /yuē huì/
Kategori B	:	2-1	2-2	2-3	2-4
Kata Dwisuku	:	结婚/jié hūn/	银行 /yíng háng/	没有 /méi yǒu/	频道 /pín dào/
Kategori C	:	3-1	3-2		3-4
Kata Dwisuku	:	老师 /lǎo shī/	有名 /yǒu míng/		请假 /qǐng jià/
Kategori D	:	4-1	4-2	4-3	4-4
Kata Dwisuku	:	大家 /dà jiā/	外国/wài guǒ/	下午 /xià wǔ/	附近 /fù jìn/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada Neutral

Kumpulan kata dwisuku sebutan nada neutral akan dijalankan mengikut kategori A, kategori B, kategori C dan kategori D. Kategori A adalah terdiri daripada kumpulan kata dwisuku yang mempunyai sebutan nada neutral 1-0, iaitu sebutan nada pertama dan sebutan nada neutral. Kategori B adalah terdiri daripada kumpulan kata dwisuku yang mempunyai sebutan nada neutral 2-0, iaitu sebutan nada kedua dan sebutan nada neutral. Kategori C adalah terdiri daripada kumpulan kata dwisuku yang mempunyai sebutan nada neutral 3-0, iaitu sebutan nada ketiga dan sebutan nada neutral. Manakala, kategori D

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah terdiri daripada kumpulan kata dwisuku yang mempunyai sebutan nada neutral 4-0, iaitu sebutan nada keempat dan sebutan nada neutral (Rujuk Jadual 3.6).

Jadual 3.6
Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Nada Neutral yang Digunakan dalam Kajian

Kategori A	:	1-0	Kategori C	:	3-0
Kata Dwisuku	:	妈妈 /mā ma/	Kata Dwisuku	:	早上 /zǎo shang/
Kategori B	:	2-0	Kategori D	:	4-0
Kata Dwisuku	:	什么 /shén me/	Kata Dwisuku	:	弟弟 /dì di/

(c) Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Modifikasi Nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan kata dwisuku sebutan modifikasi nada akan dibentuk mengikut kategori /bú/, kategori /yí/, dan kategori 3-3. Misalnya, kata dwisuku sebutan modifikasi nada yang dibentuk adalah gabungan nada ketiga dan nada ketiga (你好/ní hǎo/), kategori /bú/ (不是/bú shì/), dan kategori /yí/ (一下/yí xià/) (Rujuk Jadual 3.7).

Jadual 3.7
Kumpulan Kata Dwisuku Sebutan Modifikasi Nada yang Digunakan dalam Kajian

Kategori “bú”	:	2-4	Kategori “yí”	:	2-4
Kata Dwisuku	:	不是/bú shì/	Kata Dwisuku	:	一下/yí xià/
Kategori 3-3	:	2-3			
Kata Dwisuku	:	你好/ní hǎo/			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2.1 Perisian *Praat*

Perisian *Praat* boleh dimuat turun dari internet untuk memperlihat frekuensi sebutan permulaan nada dan frekuensi sebutan akhir nada oleh kata dwisuku (kata dwisuku sebutan nada, kata dwisuku nada neutral dan kata dwisuku modifikasi nada). Nilai frekuensi (*Hz*) dalam senarai kata dwisuku antara pakar *Yuyin* dan 88 orang subjek kajian akan dicatatkan dalam perisian *Microsoft Excel*.

Perisian *Praat* ini merupakan sebuah program yang boleh digunakan oleh ahli-ahli fonetik untuk menganalisis bunyi-bunyi bahasa. Perisian *Praat* ini boleh dimuat turun dari internet di laman web *http://www.praat.org* dan *http://www.fon.hum.uva.nl/praat/*. Perisian *Praat* yang dalam Bahasa Belanda berarti "suara". Perisian *Praat* merupakan satu jenis perisian yang diciptakan oleh *Paul Boersma* dan *David Weenink* dari *Phonetic Sciences Department, University of Amsterdam*. Dengan slogannya '*doing phonetics with computer*', *Praat* digunakan untuk melakukan analisis dan pembinaan semula suara secara fleksibel.


Berdasarkan tinjauan literatur, para penyelidik fonetik dan fonologi luar negara seperti Wang (2004), Cheng (2006), Ji (2010), Wang (2011), Jiang (2011) telah menggunakan perisian *Praat* untuk menganalisis sebutan nada data kajian terhadap pelajar-pelajar asing. Untuk tujuan pengukuran sebutan, bacaan adalah bergantung kepada saiz tubuh badan dan juga jantina seseorang. Penutur lelaki mempunyai ruang ketinggian suara (*pitch range*) yang lebih rendah berbanding dengan perempuan. Oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang demikian, *pitch range* peserta lelaki ditetapkan antara 60-400 Hz dan peserta perempuan pada 120-400 Hz (Roshidah, 2010).

Dalam kajian ini, suara sebutan subjek kajian dan pakar *Yuyin* yang direkodkan akan disimpan di dalam komputer dalam format *Waveform Audio File* (WAV). Dengan menggunakan perisisan *Praat*, frekuensi sebutan nada subjek kajian dan pakar *Yuyin* dapat dibandingkan dan corak frekuensi sebutan juga dapat dilihat dengan jelas (Rujuk Rajah 3.4).



Rajah 3.4. Sebutan kata dwisuku yang dianalisis oleh perisian *Praat*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Analisis Data

Data kajian yang dikumpul daripada rakaman bacaan kata dwisuku Bahasa Mandarin dan soal selidik akan dianalisiskan. Data yang diperoleh dari kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data kuantitatif dianalisis dengan perisian *Microsoft Excel* dan perisian *Praat* (Rujuk Jadual 3.8).

Jadual 3.8
Hubungan Antara Soalan Kajian dan Instrumen Kajian

Soalan Kajian	Instrumen Kajian
a) Apakah kesilapan kata dwisuku sebutan nada yang dilakukan oleh pelajar?	Kumpulan Kata Dwisuku *(perisian Praat)*
b) Apakah kesilapan kata dwisuku sebutan nada neutral yang dilakukan oleh pelajar?	
c) Apakah kesilapan kata dwisuku sebutan modifikasi nada yang dilakukan oleh pelajar?	
d) Apakah persepsi pelajar terhadap kata dwisuku sebutan nada semasa pembelajaran Bahasa Mandarin?	Borang Soal Selidik
e) Apakah persepsi pelajar terhadap kata dwisuku sebutan nada neutral semasa pembelajaran Bahasa Mandarin?	
f) Apakah persepsi pelajar terhadap kata dwisuku sebutan modifikasi nada semasa pembelajaran Bahasa Mandarin?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan-soalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1 mempunyai hubungan dengan instrumen kajian dan cara menganalisis data. Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan sampel kajian dari segi demografi. Analisis deskriptif yang digunakan ialah peratusan (kekerapan kesilapan sebutan nada). Jadual 3.8 menunjukkan hubungan antara soalan kajian dengan instrumen kajian.

3.9 Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Kajian rintis juga bertujuan untuk menguji dan menambah baik instrumen kajian serta menentukan metodologi yang paling sesuai sebelum kajian sebenar dijalankan oleh pengkaji (Mackey dan Gass, 2005:43).

Pengkaji telah melakukan satu kajian rintis untuk 15 orang pelajar Melayu (8 orang pelajar dari Diploma Pengurusan Pejabat dan 7 orang pelajar dari Diploma Pengurusan Perniagaan) yang mengambil kursus Bahasa Mandarin Tahap 2 (BMD 151) di Univesiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai subjek kajian. Pelajar yang dipilih sebagai subjek kajian adalah secara rawak. Subjek kajian pernah mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap 1 (BMD 101) selama satu semester iaitu dari bulan Disember 2013 hingga ke April 2014.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9
Analisis Kesilapan Sebutan Nada Mengikut Kategori

Kategori		Kata Dwisuku	Bilangan Pelajar	Bilangan Kesilapan Sebutan Nada	Peratus Kesilapan Sebutan Nada (%)
A	1-1	星期 /xīng qī/	15	2	13.3
	1-2	非常 /fēi cháng/	15	7	46.7
	1-3	开始 /kāi shǐ/	15	10	66.7
	1-4	吃饭 /chī fàn/	15	5	33.3
	1-0	妈妈 /mā ma/	15	12	80.0
B	2-1	结婚/jié hūn/	15	7	46.7
	2-2	同学 /tóng xué/	15	8	53.3
	2-3	没有 /méi yǒu/	15	8	53.3
	2-4	十月 /shí yuè/	15	7	46.7
	2-0	什么 /shén me/	15	9	60.0
C	3-1	老师 /lǎo shī/	15	6	40.0
	3-2	有名 /yǒu míng/	15	6	40.0
	3-3	很少 /hěn shǎo/	15	7	46.7
	3-4	有空/yǒu kòng/	15	7	46.7
	3-0	早上 /zǎo shang/	15	9	60.0
D	4-1	大家 /dà jiā/	15	7	46.7
	4-2	四十 /sì shí/	15	8	53.3
	4-3	这里 /zhè lǐ/	15	3	20.0
	4-4	睡觉 /shuì jiào/	15	5	33.3
	4-0	弟弟 /dì di/	15	11	73.3

Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan mengetahui persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada semasa pembelajaran Bahasa Mandarin. Berdasarkan Jadual 3.9, kesilapan sebutan nada mengikut kedudukan *(rank)* adalah sebanyak 80% pelajar tidak berupaya menyebut kategori A kata dwisuku 1-0 (妈妈 /mā ma/), seterusnya sebanyak 73.3% pelajar tidak berupaya menyebut kategori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

D kata dwisuku 4-0 (弟弟 /dì di/) dan akhirnya ialah sebanyak 66.7% pelajar tidak berupaya menyebut kategori A kata dwisuku 1-3 (开始 /kāi shǐ/).

Hasil daripada peratus kekerapan kesilapan sebutan nada yang dilakukan oleh pelajar dalam setiap kategori telah menunjukkan data dapat dianalisis dengan tepat dengan menggunakan perisian *Praat*, maka pengkaji akan terus menggunakan perisian *Praat* dalam kajian sebenar.

Kaedah ini telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik. Misalnya, Ji (2010) dalam kajian beliau ke atas pelajar Arab yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Cheng (2006) telah menjalankan kajian *An analysis on errors in the third tone of by-syllable of Mandarin produced by the junior stage overseas Indonesian students of Chinese Origin* ke atas kepada 22 orang pelajar Indonesia yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin di Jinan Universiti, Guangzhou, China dengan menggunakan perisian *Praat* untuk menganalisis data yang diperolehi. Selain itu, Roshidah (2010) juga menggunakan perisian *Praat* untuk menguji analisis kesilapan dalam sebutan Bahasa Perancis oleh pelajar Melayu.

Di samping itu, kajian rintis turut dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Ia adalah penting untuk mendapat maklumat tentang cara mentadbir alat kajian dengan berkesan dan masa yang diperlukan untuk menjawab setiap soal selidik. Untuk menjamin kesahan soal selidik, pengkaji telah menjalankan perkara-perkara berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Mendapatkan pandangan pakar sebelum kajian ditadbirkan untuk menentukan kesahan isi.

b. Mengadakan perbincangan setiap item dengan semua responden untuk

- Menyiasat kefahaman mereka untuk setiap item,
- Menentukan sama ada mereka jelas dengan setiap pernyataan dan ayat dalam item.

c. Mendapatkan pandangan pakar dalam menyunting dan mengubahsuai item yang kurang jelas dan tidak difahami.

Kesimpulannya, kajian rintis ini telah memberi gambaran kepada pengkaji tentang situasi yang akan dihadapi semasa kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kesilapan sebutan nada, sebutan nada neutral, sebutan modifikasi nada bagi kata dwisuku dan mengukur persepsi pelajar terhadap sebutan nada, sebutan nada neutral, sebutan modifikasi nada semasa pembelajaran Bahasa Mandarin.

Kajian ini bersifat kuantitatif untuk menganalisiskan data. Subjek kajian terdiri daripada 88 orang yang menjalankan rakaman bacaan sebutan kata dwisuku dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab item-item dalam borang soal selidik. Instrumen kajian yang digunakan adalah rakaman bacaan sebutan kata dwisuku dan borang soal selidik. Seterusnya, data borang soal selidik dan rakaman bacaan sebutan kata dwisuku akan dianalisiskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan keputusan yang diperoleh dari kajian yang telah dijalankan. Data yang diperoleh dalam kajian melalui rakaman bacaan sebutan kata dwisuku dengan menggunakan soal selidik dan perisian *Praat* yang dianalisis secara deskriptif mengikut persoalan-persoalan berikut:

i. Persoalan kajian yang berkaitan dengan analisis kesilapan sebutan nada dalam kata dwisuku:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Apakah kesilapan sebutan nada bagi kata dwisuku yang paling kerap dilakukan oleh subjek kajian?

b) Apakah kesilapan sebutan modifikasi nada bagi kata dwisuku yang paling kerap dilakukan oleh subjek kajian?

c) Apakah kesilapan sebutan nada neutral bagi kata dwisuku yang paling kerap dilakukan oleh subjek kajian?

ii. Persoalan kajian yang berkaitan dengan persepsi subjek kajian terhadap sebutan nada dalam kata dwisuku:

a) Apakah sebutan nada bagi kata dwisuku yang paling sukar mengikut persepsi subjek kajian?

b) Apakah sebutan modifikasi nada bagi kata dwisuku yang paling sukar mengikut persepsi subjek kajian?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Apakah sebutan nada neutral bagi kata dwisuku yang paling sukar mengikut persepsi subjek kajian?

iii. Persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada selaras dengan dapatan kajian sebenar:

a) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah selaras dengan dapatan kajian sebenar?

b) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah separa selaras dengan dapatan kajian sebenar?

c) Adakah persepsi pelajar terhadap kesilapan sebutan nada adalah tidak selaras dengan dapatan kajian sebenar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kata Dwisuku

Berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian mempunyai persepsi yang berlainan terhadap analisis sebutan nada kata dwisuku. Keputusan yang diperoleh ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
Tahap Kesukaran Kata Dwisuku Sebutan Nada Mengikut Persepsi Subjek kajian

Kategori		Kata Dwisuku	Paling Sukar (Bil. Pelajar)	Peratus Kesukaran (%)	Paling Senang (Bil. Pelajar)	Peratus Kesenangan (%)
A	1-1	星期 /xīng qī/	16	18	2	2
	1-2	非常 /fēi cháng/	4	5	5	6
	1-3	恭喜 /gōng xǐ/	12	14	2	2
	1-4	约会 /yuē huì/	1	1	25	28
B	2-1	结婚/jié hūn/	7	8	9	10
	2-2	银行/yíng háng/	4	5	3	3
	2-3	没有 /méi yǒu/	21	24	2	2
	2-4	频道/pín dào/	1	1	19	22
C	3-1	老师 /lǎo shī/	1	1	29	33
	3-2	有名 /yǒu míng/	12	14	13	15
	3-4	请假 /qǐng jià/	2	2	19	22
D	4-1	大家 /dà jiā/	13	15	1	1
	4-2	外国 /wài guó/	0	0	28	32
	4-3	下午 /xià wǔ/	14	16	2	2
	4-4	附近 /fù jìn/	6	7	2	2
Modifikasi	2-4	不是/bú shì/	15	17	18	20
	2-4	一下/yí xià/	14	16	12	14
	3-3	你好/nǐ hǎo/	21	24	7	8
Neutral	1-0	妈妈 /mā ma/	27	31	1	1
	2-0	什么 /shén me/	2	2	7	8
	3-0	早上 /zǎo shang/	2	2	15	17
	4-0	弟弟 /dì di/	2	2	9	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori A

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 16 orang atau 18% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada pertama dan nada pertama (1-1) 星期 /xīng qī/ adalah paling sukar disebut, hanyalah 2 orang subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada pertama dan nada pertama (1-1) 星期 /xīng qī/ adalah paling senang untuk disebut. Oleh itu, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat bahawa kata dwisuku nada pertama dan nada pertama (1-1) 星期 /xīng qī/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori A.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori B

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 21 orang subjek kajian atau 24% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada kedua dan nada ketiga (2-3) 没有/méi yǒu/ adalah paling sukar, hanyalah 2 orang subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada kedua dan nada ketiga (2-3) 没有 /méi yǒu/ adalah paling senang untuk disebut.

Jadi, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat kata dwisuku nada kedua dan nada ketiga (2-3) 没有 /méi yǒu/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori B. Sebaliknya, subjek kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula berpersepsi kata dwisuku nada kedua dan nada keempat (2-4) 频道/pín dào/ merupakan kata dwisuku yang paling senang disebut.

4.2.3 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori C

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 12 orang subjek kajian atau 14% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada ketiga dan nada kedua (3-2) 有名 /yǒu míng/ adalah paling sukar disebut, sebaliknya 29 orang subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada ketiga dan nada pertama (3-1) 老师 /lǎo shī/ adalah paling senang disebut. Jelasnya, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat kata dwisuku nada ketiga dan nada kedua (3-2) 有名 /yǒu míng/ dan kata dwisuku nada ketiga diikuti nada keempat (3-4) 请假 /qǐng jià/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori C.

4.2.4 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Kategori D

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 13 orang subjek kajian atau 15% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada keempat dan nada pertama (4-1) 大家 /dà jiā/ dan seramai 14 orang subjek kajian atau 16% subjek kajian berpandangan bahawa kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dwisuku nada keempat dan nada ketiga (4-3) 下午 /xià wǔ/ adalah masing-masing paling sukar, manakala 28 orang subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada keempat dan nada kedua (4-2) 外国 /wài guó/ adalah paling senang disebut. Jelasnya, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat kata dwisuku nada keempat dan nada pertama (4-1) 大家 /dà jiā/ dan kata dwisuku nada keempat dan nada ketiga (4-3) 下午 /xià wǔ/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori D.

4.2.5 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Modifikasi Nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 21 orang atau 24% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada ketiga dan nada ketiga (3-3) 你好 /nǐ hǎo/ adalah paling sukar disebut, manakala 18 orang atau 20% subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada kedua dan nada keempat (2-4) 不是/bú shì/ adalah paling senang disebut. Oleh itu, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat kata dwisuku nada ketiga dan nada ketiga (3-3) 你好 /nǐ hǎo/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori modifikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6 Persepsi Subjek Kajian Terhadap Sebutan Nada Neutral

Berdasarkan Jadual 4.1, seramai 27 orang subjek kajian atau 31% subjek kajian berpandangan bahawa kata dwisuku nada pertama dan nada neutral (1-0) 妈妈 /mā ma/ adalah paling sukar, manakala 2 orang subjek kajian berpersepsi bahawa kata dwisuku nada kedua dan nada neutral (2-0) 什么 /shén me/, kata dwisuku nada ketiga dan nada neutral (3-0) 早上 /zǎo shang/ dan kata dwisuku nada keempat dan nada neutral (4-0) 弟弟 /dì di/ adalah paling sukar disebut. Maka, berpandukan data yang dikumpulkan daripada soal selidik subjek kajian, didapati subjek kajian berpendapat kata dwisuku nada pertama dan nada neutral (1-0) 妈妈 /mā ma/ adalah paling sukar untuk disebut dalam kategori neutral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Kekerapan Kesilapan Sebutan Nada Kata Dwisuku

Setelah menganalisis sebutan kata dwisuku dengan menggunakan perisian *Praat*, bilangan kesilapan sebutan nada kata dwisuku dan peratus kesilapan sebutan nada yang dilakukan oleh subjek kajian telah dikira (Peratus kesilapan sebutan nada = Bilangan kesilapan ÷ Bilangan Subjek kajian x 100%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini, analisis kesilapan sebutan nada kata dwisuku dibincangkan mengikut kategori seperti berikut (Rujuk Jadual 4.2):

Jadual 4.2
Kategori-kategori dalam Kata Dwisuku

Kategori	**Penerangan**	**Kata Dwisuku**	
A	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan nada pertama, diikuti dengan nada pertama, nada kedua, nada ketiga dan nada keempat dalam sebutan akhir nada.	1-1	星期 /xīng qī/
		1-2	非常 /fēi cháng/
		1-3	恭喜 /gōng xǐ/
		1-4	约会 /yuē huì/
B	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan nada kedua, diikuti dengan nada pertama, nada kedua, nada ketiga dan nada keempat dalam sebutan akhir nada.	2-1	结婚/jié hūn/
		2-2	银行/yíng háng/
		2-3	没有 /méi yǒu/
		2-4	频道/pín dào/
C	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan nada ketiga, diikuti dengan nada pertama, nada kedua dan nada keempat dalam sebutan akhir nada.	3-1	老师 /lǎo shī/
		3-2	有名 /yǒu míng/
		3-4	请假 /qǐng jià/
D	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan nada keempat, diikuti dengan nada pertama, nada kedua, nada ketiga dan nada keempat dalam sebutan akhir nada.	4-1	大家 /dà jiā/
		4-2	外国 /wài guó/
		4-3	下午 /xià wǔ/
		4-4	附近 /fù jìn/
Modifikasi	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan modifikasi nada, diikuti dengan nada keempat dan nada ketiga dalam sebutan akhir nada.	2-4	不是/bú shì/
		2-4	一下/yí xià/
		3-3	你好/nǐ hǎo/
Neutral	Sebutan awal nada kata dwisuku dimulakan dengan sebutan nada pertama, nada kedua, nada ketiga dan nada keempat, diikuti dengan nada neutral sebagai sebutan akhir nada.	1-0	妈妈 /mā ma/
		2-0	什么 /shén me/
		3-0	早上 /zǎo shang/
		4-0	弟弟 /dì di/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil analisis kesilapan sebutan nada kata dwisuku yang dilakukan oleh subjek kajian dalam pertuturan Bahasa Mandarin akan ditunjukkan dalam Jadual 4.3, Jadual 4.5, Jadual 4.7, Jadual 4.9, Jadual 4.11, dan Jadual 4.13 mengikut kategori masing-masing. Kesemua ini akan dibincangkan secara terperinci di bawah subtopik-subtopik berikut.

4.3.1 Analisis Kesilapan Sebutan Nada Kategori A

Kata dwisuku sebutan nada dalam Kategori A mengandungi empat jenis sebutan yang berlainan, iaitu nada pertama dan nada pertama (1-1 星期 /xīng qī/), nada pertama dan nada kedua (1-2 非常 /fēi cháng/), nada pertama dan nada ketiga (1-3 恭喜 /gōng xǐ/), dan nada pertama dan nada keempat (1-4 约会 /yuē huì/).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.3, didapati peratus kesilapan sebutan nada 1-2 (非常 /fēi cháng/) adalah paling tinggi, iaitu seramai 65 orang subjek kajian atau 74% subjek kajian yang melakukan kesilapan sebutan nada. Manakala, peratus kesilapan sebutan nada 1-4 (约会 /yuē huì/) bagi kata dwisuku adalah paling rendah, iaitu cuma 22% subjek kajian yang melakukan kesilapan sebutan nada kata dwisuku. Sebaliknya, seramai 69 orang subjek kajian (78%) berupaya menyebut kata dwisuku tersebut dengan betul.

Walau bagaimanapun, secara relatifnya didapati subjek kajian adalah paling kurang melakukan kesilapan sebutan nada bagi kata dwisuku 1-4 (约会 /yuē huì/) dan 1-1 (星期 /xīng qī/), iaitu masing-masing hanya seramai 19 dan 49 orang subjek kajian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang melakukan kesilapan sahaja. Rajah 4.1 telah menunjukkan perbandingan antara subjek kajian yang menyebut kata dwisuku dalam Kategori A dengan betul dan silap.

Jadual 4.3
Bukan sahaja itu, kata dwisuku sebutan nada neutral nada keempat dan nada neutral (4-0) merupakan kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh subjek kajian. Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil dapatan soal selidik mendapati bahawa kata dwisuku sebutan nada pertama dan sebutan nada neutral (1-0) merupakan kata dwisuku yang paling sukar disebut oleh subjek kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan dalam PdP sebutan nada neutral adalah diperlukan untuk membimbing pelajar memahami konsep sebutan nada supaya pelajar bukan penutur jati tidak terkeliru terhadap sebutan nada neutral (Guo, 1993). Ini adalah disebabkan dalam bahasa ibunda mereka tidak mempunyai konsep sebutan nada neutral. Maka, penguasaan sebutan nada neutral adalah amat sukar dan disebut oleh pelajar bukan penutur jati disebabkan sebutan nada neutral adalah ringan dan pendek. Kini, PdP nada neutral yang kurang sistematik mengakibatkan pelajar kurang memahami konsep nada neutral. Justeru, pengajaran dan pembelajaran nada neutral dalam sukatan Bahasa Mandarin sepatutnya dihadkan kepada sebutan nada neutral yang umum digunakan dalam pertuturan Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3.2 Hilang Keyakinan

Kesilapan sebutan nada, sebutan modifikasi nada dan sebutan nada neutral yang dilakukan oleh subjek kajian tidak dapat dikesan dan diperbetulkan oleh pensyarah akan menyebabkan segelintir subjek kajian Melayu hilang keyakinan untuk menyebut nada tersebut dengan tepat. Secara langsung, ini menyebabkan subjek kajian akan terus melakukan kesilapan sebutan nada tersebut. Sebagai contoh, kebanyakan subjek kajian Melayu tidak berupaya atau berasa sukar untuk “melonggokkan” ataupun “*twist*” lidah apabila hendak menyebut kata dwisuku nada ketiga dan nada kedua (3-2). Oleh itu, mereka lebih cenderung menyebut nada tersebut dengan nada secara mendatar sahaja. Lama-kelamaan, subjek kajian akan hilang keyakinan untuk menyebut sebutan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian Goh & Ng (2004) dan Jyh (2005) menunjukkan bahawa sikap dan motivasi pelajar adalah penting dalam pembelajaran bahasa. Beberapa faktor yang menyebabkan pelajar kurang tumpuan dalam kelas, akibatnya, pelajar bukan penutur jati akan hilang keyakinan dalam pembelajaran sebutan nada (Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip dan rakan-rakan, 2014).

Antara faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa ialah sikap pelajar, kurikulum, pengaruh kawan, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru dan persekitaran. Justeru, dalam usaha mengurangkan pelajar hilang keyakinan semasa pembelajaran Bahasa Mandarin dalam kelas, maka guru perlu lebih mengutamakan keberkesanan pengajarannya dengan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang manarik supaya dapat mengurangkan pelajar berasa kurang keyakinan dalam sebutan nada Bahasa Mandarin.

5.2.4 Faktor Persekitaran

Faktor persekitaran yang menyebabkan subjek kajian melakukan kesilapan sebutan nada adalah seperti pendedahan dan persekitaran pembelajaran Bahasa Mandarin dan waktu perkuliahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4.1 Pendedahan dan Persekitaran Pembelajaran Bahasa Mandarin

Faktor yang menyebabkan subjek kajian melakukan kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin ialah kekurangan subjek kajian didedahkan kepada persekitaran pembelajaran Bahasa Mandarin. Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin merupakan sejenis bahasa asing yang berlaku di luar pertuturannya. Bahasa Mandarin hanya digunakan semasa di dalam kelas bahasa sahaja. Oleh yang demikian, pendedahan pelajar bukan penutur jati kepada sebutan Bahasa Mandarin adalah hanya terhad ketika di dalam kelas.

Daripada dapatan soal selidik subjek kajian (Rujuk Jadual 3.2), didapati kesemua subjek kajian (100%) yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin ini adalah pelajar Melayu yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam pertuturan seharian, manakala bahasa kedua dan bahasa ketiga dalam pertuturan seharian ialah Bahasa Inggeris dan seterusnya ialah Bahasa Mandarin. Dapatan ini telah menunjukkan bahawa kekurangan persekitaran subjek kajian terhadap pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin akan mendorong mereka melakukan kesilapan sebutan nada. Ini juga menyebabkan subjek kajian Melayu kurang mempraktikkan Bahasa Mandarin semasa di dalam kampus universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4.2 Waktu Perkuliahan

Daripada dapatan soal selidik subjek kajian (Rujuk Jadual 3.2), didapati majoriti subjek kajian (98.8%) mula mempelajari kursus Bahasa Mandarin pada peringkat universiti. 100% daripada subjek kajian hanya mempelajari Bahasa Mandarin selama 7-12 bulan. Walaupun subjek kajian diperuntukan waktu perkuliahan 2 jam seminggu (1 semester = 30 jam) untuk mempelajari Bahasa Mandarin, namun hanya 1-2 jam digunakan untuk melatih sebutan nada sepanjang semester. Kesuntukkan waktu perkuliahan dalam mempelajari sebutan nada menyebabkan tahap penguasaan subjek kajian terhadap sebutan nada boleh dipertingkatkan. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Fa'izah dan rakan-rakan (2010), Cheun dan rakan-rakan (2009), Sandip (2013) bahawa masa pengajaran bahasa yang singkat menyebabkan pelajar lemah dan tidak dapat menguasai bahasa dengan baik. Selain itu, dapatan soal selidik oleh Shin (2012) juga berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sebutan nada Bahasa Mandarin adalah disebabkan waktu perkuliahan yang tidak mencukupi. Oleh itu, waktu perkuliahan yang tidak cukup akan menyebabkan pelajar tidak bermotivasi untuk mempelajari dan menguasai kemahiran sebutan nada Bahasa Mandarin.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini adalah bermanfaat kepada semua pihak yang berkenaan, terutamanya kepada pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedua atau ketiga. Implikasi kajian ini dibahagikan kepada dua aspek, iaitu implikasi untuk pelajar dan implikasi untuk pensyarah .

5.3.1 Implikasi untuk Pelajar

Memandangkan faktor-faktor seperti faktor *interlingual*, faktor *intralingual*, faktor kesilapan *developmental*, dan faktor persekitaran yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan semasa pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin. Maka, seseorang pelajar haruslah haruslah mempunyai sikap yang positif untuk mempertingkatkan penguasaan terhadap sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin. Pelajar tidak seharusnya menganggap pembelajaran sebutan nada sesuatu yang membosankan dan menakutkan. Sebaliknya, pelajar haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, suasana dan persekitaran pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua atau ketiga untuk pelajar Melayu adalah terhad. Pelajar haruslah mengambil inisiatif untuk mempelajari Bahasa Mandarin, misalnya bertutur dengan kawan Cina atau kawan Melayu yang fasih Bahasa Mandarin, mendengar program radio atau rancangan televisyen Bahasa Mandarin dan sebagainya (Lee dan rakan-rakan, 2004). Ini secara tidak langsung akan menyebabkan pelajar lebih mendedahkan diri kepada persekitaran dalam pembelajaran Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Implikasi untuk Pensyarah

Berdasarkan dapatan kajian dari persepsi pelajar dan kesilapan sebenar dalam sebutan nada Bahasa Mandarin, didapati kata dwisuku nada ketiga dan nada kedua (3-2), kata dwisuku nada keempat dan nada ketiga (4-3) dan kata dwisuku nada ketiga dan nada ketiga (3-3) masing-masing merupakan kata dwisuku yang paling sukar disebut dan paling kerap melakukan kesilapan sebutan nada. Ini telah menunjukkan persepsi pelajar adalah sama dengan dapatan analisis kajian sebenar. Kesukaran dalam menyebut ketiga-tiga kategori ini telah menunjukkan bahawa sebutan nada tersebut jarang dipraktikkan. Ini mungkin disebabkan guru terlalu menitikberatkan pembelajaran kandungan mata pelajaran sehingga hanya ada sedikit masa sahaja mempraktik dalam sebutan nada. Maka, pensyarah yang mengajar Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua atau ketiga harus mengambil tindakan sewajarnya untuk mewujudkan situasi pembelajaran yang bersifat semula jadi seperti kolaborasi antara rakan sebaya yang dapat mempertingkatkan kualiti pembelajaran dalam sebutan nada supaya penguasaan sebutan nada dalam Bahasa Mandarin dapat dipertingkatkan. Hasil dapatan kajian sebenar dan persepsi subjek kajian telah dikenal pasti bahawa mereka sering melakukan kesilapan menyebut nada kedua dan nada ketiga. Ini adalah kerana bahasa ibunda subjek kajian tiada bunyi nada kedua dan nada ketiga. Jadi, semasa menyebut nada kedua dan nada ketiga subjek kajian akan menggantikan nada pertama dan nada keempat secara automatik. Kesilapan sebutan nada akan dikurangkan jikalau pelajar membaca dalam bentuk ayat berbanding dengan perkataan tunggal (Chuen dan rakan-rakan, 2005). Oleh demikian, pensyarah adalah dicadangkan lebih mementingkan pengajaran sebutan dalam bentuk ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, seramai 25 orang subjek kajian adalah berpersepsi bahawa kata dwisuku nada pertama dan nada keempat (1-4) dan 29 orang subjek kajian kata dwisuku nada ketiga dan nada pertama (3-1) adalah senang untuk disebut. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan analisis kesilapan sebutan nada sebenar bahawa kedua-dua kategori kata dwisuku ini hanya mempunyai 22% kata dwisuku nada pertama dan nada keempat (1-4) dan 36% kata dwisuku nada ketiga dan nada pertama (3-1) pelajar yang melakukan kesilapan sahaja. Secara ringkasnya, Bahasa Malaysia juga mempunyai kombinasi nada pertama dan nada keempat yang menyebabkan subjek kajian berpersepsi kata dwisuku nada pertama dan nada keempat (1-4) adalah senang untuk disebut. Manakala, kombinasi kata dwisuku nada ketiga dan nada pertama (3-1) merupakan kombinasi kata dwisuku yang subjek kajian biasa disebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, subjek kajian berpersepsi kata dwisuku nada kedua dan nada keempat (2-4) dan kata dwisuku nada keempat dan nada kedua (4-2) adalah senang untuk disebut. Sebaliknya, dapatan soal selidik ini adalah tidak selari dengan dapatan analisis kajian sebenar. Sebanyak 59% dan 65% subjek kajian telah melakukan kesilapan sebutan nada bagi kedua-dua kata dwisuku tersebut. Ini telah menunjukkan subjek kajian berpersepsi bahawa kedua-dua jenis kata dwisuku adalah senang disebut, tetapi ia adalah berlawan dengan analisis sebenar. Oleh itu, pensyarah haruslah mengambil berat semasa mengajar sebutan nada dalam kedua-dua jenis kata dwisuku ini. Sebagai contoh, pensyarah boleh menggunakan kaedah peniruan sebutan dengan menunjukkan kad-kad gambar atau alat bantuan mengajar semasa kelas dijalankan (Cheun dan rakan-rakan, 2005). Pensyarah juga boleh memperbanyakkan bahan rujukan dan latihan sebutan nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bersesuaian supaya dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam kata dwisuku nada kedua dan nada keempat (2-4) dan kata dwisuku nada keempat dan nada kedua (4-2).

5.4 Cadangan-cadangan Pembetulan Sebutan Nada

Dapatan kajian dalam Bab 4 telah menunjukkan bahawa pelajar Melayu mempunyai masalah di dalam menyebut nada-nada tertentu. Pengkaji akan mencadangkan beberapa langkah bagi membantu penguasaan sebutan nada, khususnya untuk pelajar Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Nyanyian lagu Bahasa Mandarin

Nyanyi lagu merupakan satu kaedah meningkatkan sebutan nada pelajar (Guo, 1993). Dalam PdP sebutan nada, jika hanya menyebut perkataan ia tidak menghadapi sebarang masalah bagi kalangan pelajar Melayu tetapi apabila disebut dalam satu ayat dalam bahasa Mandarin, ia akan mengalami pelbagai kesilapan perubahan nada. Terdapat pelajar Melayu sering kali menggunakan perasaan dalam Bahasa Melaysia untuk bertutur dalam Bahasa Mandarin tanpa berasaskan konsep sebutan nada kerana bahasa ibunda pelajar merupakan bahasa yang tidak bernada. Oleh itu, dengan nyanyian lagu bukan sahaja dapat membantu pelajar Melayu menghafaz lirik dalam Bahasa Mandarin malahan ia juga dapat membantu pelajar merasai konsep pelbagai sebutan nada dalam Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Mengenal sebutan melalui suku kata

Dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin, pelajar Melayu yang mengikuti Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua / ketiga sepatutnya mengenal perkataan melalui suku kata seperti Bahasa Inggeris. Memberi suku kata kepada murid-murid daripada memberi satu perkataan kepada subjek kajian lebih membawa kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin (Jiang, 2011; Ji, 2010).

c. Tanda isyarat dibuat pada semua sebutan-sebutan

Pada permulaan mempelajari sebutan nada, membuat tanda-tanda isyarat pada semua sebutan. Kesukaran pelajar bukan penutur jati dalam mempelajari sebutan nada adalah disebabkan kekurangan tanda-tanda isyarat, sekiranya pengajaran sebutan nada mempunyai tanda-tanda isyarat, ia akan memudahkan pelajar bukan penutur jati dalam mempelajari sebutan nada.

d. Mengajar sambil menggunakan isyarat tangan

Dalam pengajaran dan pembelajaran sebutan nada, jenis sebutan nada boleh difahami melalui isyarat tangan agar pelajar bukan penutur jati dapat merasai jenis sebutan nada dan ketinggian pic nada, terutamannya dapat membantu pelajar bukan penutur jati melafazkan sebutan nada perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Penekanan terhadap sebutan nada

Penekanan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran sebutan nada akan mempengaruhi pelajar bukan penutur jati dalam pembelajaran. Dalam pengajaran dan pembelajaran kelas Bahasa Mandarin, guru-guru Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dan ketiga biasanya hanya menggunakan masa yang singkatuntuk menjalankan latihan sebutan nada (Liu, 2014). Jika pelajar bukan penutur jati tidak menguasai sebutan nada, pelbagai masalah akan tertimbul dalam pembelajaran selanjutnya. Selain itu, pelajar juga boleh diminta memberi perhatian dan tumpuan bentuk dan kedudukan bibir dan lidah apabila sesuatu bunyi bahasa disebut. Selepas mempelajari sebutan nada, fokus baru dialihkan kepada suku kata dan tatabahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Memandangkan kajian ini mempunyai batasannya disebabkan subjek kajian adalah terdiri daripada 88 orang pelajar Melayu yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin, maka kajian yang lebih komprehensif perlu dijalankan. Kajian lanjutan haruslah memberi perhatian terhadap aspek-aspek berikut:

i. Meneruskan kajian yang sama yang melibatkan saiz sampel yang lebih besar di semua kampus cawangan UiTM di Malaysia yang mengambil kursus Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mandarin. Oleh sebab dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasi untuk subjek kajian Melayu UiTM yang mengikuti Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga.

ii. Menjalankan kajian perbandingan sebutan nada pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di institusi pengajian tinggi dengan pelajar Melayu yang mempelajari Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) di sekolah kebangsaan untuk melihat faktor pendedahan dan persekitaran dalam pembelajaran sebutan nada Bahasa Mandarin.

5.6 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, walaupun kajian ini hanya dapat menggambarkan masalah kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu UiTM, namun kajian ini dipercayai telah dapat memberikan sumbangan bagi menampungi kekurangan dalam bidang sebutan nada Bahasa Mandarin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Aini Haji Karim. (2007). *Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti.* Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING), 2, 212-225.

Ang, L. H., Lau, S. K., Sheena Kaur, Tay, Y. L., Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2013, Jul). *Analisis kesilapan tersalah letak kata nama bahasa Cina.* Kertas dibentang di 4th MICFL Malaysia International Conference on Foreign Languages 2013, 1-12.

Asmah Haji Omar. (1981). The Malaysian national language in academic discourse. Dalam Asmah Haji Omar (Ed), *Language and society in language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chai, C. S. (2007). *Penggunaan preposisi bahasa Cina di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Chan, S. F. (2006). *Kata penghubung dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Chen, M. (2010). Analysis of Chinese pronunciation errors made by beginners of Thai students and countermeasures. *Journal of Liuzhou Teacher College.* 25(5), 52-54.

Cheng, Y. (2006). *An analysis on errors in the third tone of by-syllable of Mandarin produced by the junior stage overseas Indonesian students of Chinese origin* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jinan University, Guangzhou, China.

Cheun, H. H., Hoe, F. T., & Ho, W. C. (2005). *Strategi Pengajaran Aspek Sebutan Bahasa Mandarin di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara Shah Alam*. Shah Alam: Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cheun, H. H., Hoe, F. T., & Ho, W. C. (2009). Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran susun ayat Bahasa Mandarin di UiTM. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communitie, Vol 2, 103-113.*

Chia, T. H. (1999). *Ayat tanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina: Satu analisis kontrasif* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Chinese language. (2015, Januari 15). Chinese Language. Dipetik dari https://en.wikipedia.org/wiki/Chinese_language

Ching, W. M. (2008). *Penggunaan adverb bahasa Cina di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Corder, S. P. (1967). The Significance of Learner's Error. *IRAL*, 5(4), 161-170.

Corder, S. P. (1974). Error Analysis. In Allen J. P. B. & Pit Corder (Eds). *Techniques in Applied Linguistics (The Edinburgh Course in Applied Linguistics).* London: Oxford University Press.

Corder, S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage.* Oxford: Oxford University Press.

Corder, S.P. (1982). *Introducing Applied Linguistics.* Penguin Books.

Deng, R. C. (1992, November 12). 结合语法研究和语法教学 [Pengintegrasian kajian tatabahasa dan pengajaran tatabahasa]. *Nanyang Siang Pau*, hlm 2.

Deng, X. F. (2010). *The comparison of errors in Mandarin acuqisition between Chinese students and non-Chinese students of Medan, Indonesia* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jinan University, Guangzhou, China.

Dulay, H. C., & Burt, M. K. (1974). You Can't Learn Without Goofing. Dalam Richards, J. C. (Ed.), *Error Analysis: perspectives on second language acquisition* (hlm 95-123). London dan New York: Longman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ellis, R. (1997). *Second language acquisition research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.

Fa'izah Abd Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar Bahasa Melayu pelajar asing institut pengajian tinggi Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 64-76.

Fauziah Arof. (2005, April 26). Bahasa Cina, Tamil di SK. *Utusan Malaysia*. Dipetik dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0426&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm

Fu, S. M. & Zhang, W. J. (2004). 越南留学生的汉语声母偏误分析 [Analisis kesilapan fonem awal untuk pelajar Vietnam]. *Chinese Teaching in the World*, 2, 69-81.

Goh, Y. S. & Ng, A. S. (2004). *The bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia*. Dungun, Terengganu: Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guo, J. F. (1993). *汉语声调语调阐要与探索 [Penjelasan dan mengenal pasti nada dan intonasi Bahasa Mandarin]*. Beijing: Beijing Yuyan Chu Ban She.

Halimah Haji Ahmad. (1996). Sumbangan analisis kesilapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa Rampak Serantau*, 3, 141-147.

Han, M. (2005). Analysis on overseas Vietnamese students' tone deviance and countermeasure in instruction. *Journal of Yulin Teachers College (Philosophy & Social Science)*, 26(2), 121-123.

Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim & Roslina Mamat. (2013). Kesilapan pengurangan dalam pemerolehan gender gramatikal Bahasa Perancis. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 10, 157-178.

Inderawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ji, X. B. (2010). An error analysis of the tones of Chinese disyllables by the Arab Chinese – learning beginners. *Journal of Yunnan Teachers University,* 8(5), 33-41.

Jiang, C. Y. (2011). *韩国留学生习得汉语声调研究 [Analisis sebutan nada pelajar Korea dalam pembelajaran Bahasa Mandarin]* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Liao Ning Normal University, China.

Jin, J. T. (2010). 韩国留学生汉语声调偏误及成因分析 [Analisis punca kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin oleh pelajar Korea]. *Journal of Modern Chinese,* 26(2), 141-142.

Jyh, W. S. (2005). *Evolusi dan evolusi semula bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kong, Y. (2008). 普通话学习中的上声变调问题 [Masalah modifikasai nada dalam pembelajaran Bahasa Mandarin]. *Journal of Modern Chinese,* 26(2), 144-145.

Lee, A. C., Lau, S. K. & Mok, S. S. (2004). *Kesilapan sebutan fonem awal dan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin: Satu kajian kes terhadap pelajar intersesi peringkat diploma, UiTM Shah Alam*. Shah Alam: Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara.

Lee, C. C. (2007). *Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran Bahasa Mandarin* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Lewis, E. G. (1974). *Linguistics and Pedagogy: A Theoretical Study*. The Hague: Mounton & Co.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Li, J. L. (2011). *印尼学生汉语声调的偏误分析 [Analisis kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin pelajar Indonesia]* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Shanghai Teachers University, China.

Lim, M. C. (1999). *Analisis konstrastif sistem fonologi Bahasa Malaysia dan Bahasa Portugis* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Lin, T. & Wang, L.T. (2006). *语音学教程 [Pengajaran dan pembelajaran fonetik]*. Beijing: Beijing Daxue Chubanshe.

Lin, Y. G. & Wang, G. P. (2005). An Experimental Study on the Acquisition of Stops and Affrica tes in Chinese by Indonesian Learners. *Yuyan Jiaoxue yu Yanjiu*, 4, 59-65.

Liu, X. (2002). *汉语作为第二语言教学简论 [Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua secara rumusan]*. China: Beijing Yuyan Wehua Daxue Chubanshe.

Liu, Y. (1998). 日韩学生的汉语声调分析 [Analisis kesilapan sebutan nada pelajar Japan dan Korea]. *Chinese Teaching in the World*, 1, 94-99.

Liu, Y. (2014). *对韩国留学生汉语上声变调偏误的实验语音学分析 [Analisis kesilapan modifikasi nada pelajar Korea]* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Heilongjiang Universiti, Heilongjiang, China.

Lu, J. J. (1984). 中介语理论与外国人学习汉语的语音偏误分析 [Teori interlingual dan analisis kesilapan sebutan pelajar asing yang mempelajari Bahasa Mandarin]. *Yuyan Jiaoxue Yu Yanjiu*, 3, 44-56.

Ma, Y. H. (2014). On the assimilating feature of foreign adult learning Chinese pronunciation – based on the comparing analyzing about the phonetic system of Chinese and other 13 languages. *Journal Overseas Chinese Education*, 70(1), 19-40.

Mackey, A. & Gass, S. M. (2005). *Second Language Research: Methodology and Design.* London: Lawrence Erbaum Associates, Inc.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Massachusetts Institute of Technology. (2015, Januari 15). *Mandarin Tones*. Dipetik dari http://web.mit.edu/jinzhang/www/pinyin/tones/

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Fauziah Mohd Sa'ad Norhidayah Jaapar, Khairiyah Mohd Ali, Najwa Hananie Athdzar, Wan Norhasniah Wan Abd Rashid. (2014). *Faktor, kesan, dan strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar sekolah menengah di dalam satu kelas: suatu kajian kualitatif.* Tanjung Malim: UNIMED Digital Repository.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003*). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd Nasir Mohamed Hasbullah. (2001). *Analisis kesilapan sebutan Bahasa Al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ngeh, H. E. (1995). *Analisis kesilapan Bahasa Cina di kalangan pelajar-pelajar Melayu sekolah rendah Cina* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Noor Aini Dani. (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richards, J. C. (1971). A non contrastive Approach to Error. *English Language Teaching*, Vol. 25, No. 3, 204-219.

Richards, J. C. (1974). *Errors Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman.

Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. London: Longman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Roshidah Hassan. (2010). *Sistem fonetik dan fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivations, social development, and well-being. *The American Phychologist*, 55(1), 68-78.

Sandip, Kr. S. (2013). *Error analysis of Chinese pronunciation of Indian students and how to counter through teaching methods* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Shandong Teachers University, China.

Saw, K. L. (1997). *Kesilapan sintaksis dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan dewasa Melayu* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Scovel, T. (1998). *Psycholinguistics*. New York: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shin, J. (2012). *The teaching and the compiling schemes of the teaching materials centering on the Chinese tones of Korean students* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Xinjiang University, China.

Sinar Harian. (2014, Mei 22). *Lawatan Najib ke China kukuh dagangan dua hala.* Dipetik dari http://www.sinarharian.com.my/mobile/ultras/liga-malaysia/lawatan-najib-ke-china-kukuh-dagangan-dua-hala-1.282l949

Soh, B. K. (1996). *Frasa nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Soh, W.N., Chia, T.H., Liau, L.S., & Mok, S.S. (1999). *Huayu (1)*. Kuala Lumpur: Xueer Publisher.

Soh, W.N., Chia, T.H., Liau, L.S., & Mok, S.S. (2009). *Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati (1)*. Kuala Lumpur: Xueer Publisher.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soh, W.N., Chia, T.H., Liau, L.S., & Mok, S.S. (2010). *Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati (2)*. Kuala Lumpur: Xueer Publisher.

Soh, W.N., Chia, T.H., Liau, L.S., & Mok, S.S. (2011). *Bahasa Mandarin Perbualan untuk penutur bukan jati (3)*. Kuala Lumpur: Xueer Publisher.

Taylor, B. P. (1975). The use of overgeneralisation and transfer learning strategies by elementary and intermediate students of ESL. *Language Learning, 25*(1), 73-107.

Wang, G. P. (2004). An experimental study on errors in articulating 3+3 tone Sandhi of Bi-syllable of Mandarin produced by overseas Indonesian students of Chinese origin. *Journal of College of Chinese Language and Culture of Jinan University,* 4, 9-20.

Wang, G.P. (2011). On pronunciation errors of blade – alveolar and retroflex consonants in Mandarin made by Indonesian learners. *Journal TCSOL studies,* 42(2): 46-56.

Weber, K. (2003). The relationship of interest to internal and external motivation. *Communication Research Reports*, *20*(4), 376–383.

Wu, Z. J. (1993). *汉语声调语调阐要与探索 [Penjelasan dan penerokaan sebutan nada Bahasa Mandarin]*. Beijing: Beijing Language and Culture University Publishing House.

Wyatt, V. (1973). An Analysis of errors in composition writing. *English Language Teaching*, Vol. XXVII, No. 2, 176-186.

Xu, J. (2006).俄罗斯留学生汉语声调偏误研究[Kajian kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin oleh pelajar Rusia]. *Journal of Social Science of Jiamusi University*, Vol 24(3): 65-67.

Yeoh, L.H. (2005). *Analisis kesilapan tatabahasa dalam Bahasa Cina di kalangan pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pulau Pinang* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yong, C. C. & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Vol 12(2), 667-692.

Yu, J. & Wang, H. (2005). An analysis of the tone errors of the Nepalese students. *Journal of Yunnan Normal University*, 3(3), 19-23.

Zao, Y. R. (2003).*语言问题 [Masalah bahasa]*. Beijing: The Commercial Press University.

Zhang, K. J. & Chen, L. M. (2005). 日本学生学习华语的声调偏误分析：以二字调为例 [Analisis kesilapan sebutan nada dalam pembelajaran Bahasa Mandarin oleh pelajar Jepun: pemilihan kata dwisuku sebagai contoh]. *ROCLING XVII: Conference on Computational Linguistics and Speech Processing (ROCLING 2005)*, 1, 125-139.

Zhang, Z. G. (1985). *普通话丛书第一集 [Bahasa umum (Putong Hua) dalam buku-buku bersiri Bahasa Mandarin Vol. 1]*. Guangdong, China: Guangdong Jiaoyu Chubanshe.

Zhou, Y. M. (2006).*现代汉语 [Bahasa Moden (Bahasa Mandarin)]*. Beijing: Beijing Normal University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK

KESILAPAN SEBUTAN NADA BAHASA MANDARIN

DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU

Saudara/saudari. Salam Sejahtera,

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai persepsi para pelajar terhadap sebutan nada, modifikasi nada dan nada neutral dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. Tiada jawapan yang betul dan salah. Pendapat anda adalah amat penting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sila berikan jawapan dengan jujur dan ikhlas. Sila menandakan jawapan yang sesuai dan lengkapkan jawapan berkenaan sekiranya perlu.

Semua maklumat yang anda berikan adalah sulit dan akan digunakan untuk kajian ini sahaja. Laporan kajian tidak akan mendedahkan identiti individu.

Kerjasama saudara/saudari dalam menjayakan kajian ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Penyelidik:
CHUAH KEE PING
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arahan: Sila tandakan (/) pada ruangan yang berkenaan.

BAHAGIAN A:

1. Jantina: ( ) Lelaki ( ) Perempuan

2. Umur : ( ) 17-20 tahun ( ) 21-24 tahun
( ) 25-28 tahun ( ) Lain-lain, nyatakan: _____

3. Aliran Persekolahan Semasa Sekolah Rendah:

( ) Aliran Melayu ( ) Aliran Sekolah Agama
( ) Aliran Inggeris ( ) Aliran Cina
( ) Aliran Tamil ( ) Lain-lain, nyatakan:_____

4. Aliran Persekolahan Semasa Sekolah Menengah:

( ) Aliran Melayu ( ) Aliran Sekolah Agama
( ) Aliran Inggeris ( ) Aliran Cina
( ) Aliran Tamil ( ) Lain-lain, nyatakan:_____

5. Bahasa harian yang anda kerap gunakan dalam pertuturan seharian.
Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut mengikut kekerapan,
1– paling kerap, 2 – kerap, 3 – jarang

( ) Bahasa Melayu ( ) Bahasa Mandarin
( ) Bahasa Inggeris

6. Bilakah anda mula mempelajari Bahasa Mandarin?

( ) Peringkat semasa pra-sekolah
( ) Peringkat semasa sekolah rendah
( ) Peringkat semasa sekolah menengah
( ) Peringkat semasa universiti
( ) Lain-lain, nyatakan:_____

7. Tempoh anda pernah mempelajari Bahasa Mandarin.

( ) 1-6 bulan ( ) 7-12 bulan
( ) 13-18 bulan ( ) 19-24 bulan
( ) Lain-lain, nyatakan:_____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN B:

1. Adakah anda berminat mempelajari dan bertutur dalam Bahasa Mandarin?

   ( ) Langsung tidak suka, nyatakan: _____
   ( ) Tidak suka, nyatakan: _____
   ( ) Suka, nyatakan: _____
   ( ) Sangat suka, nyatakan: _____

2. Pada pendapat anda, adakah kebolehan bertutur dalam Bahasa Mandarin akan membantu kerjaya anda pada masa depan?

   ( ) Tidak membantu langsung ( ) Membantu sedikit
   ( ) Agak membantu ( ) Akan membantu
   ( ) Sangat membantu

3. Apakah faktor yang mendorong / menyebabkan anda mempelajari Bahasa Mandarin?

   ( ) Keperluan syarat universiti
   ( ) Minat belajar dan harap dapat bertutur Bahasa Mandarin
   ( ) Untuk tujuan pekerjaan kelak
   ( ) Dapat berinteraksi dengan kawan berbangsa Cina
   ( ) Lain-lain, nyatakan:_____

4. Pernahkah anda berlatih untuk mengukuhkan penguasaan dalam sebutan nada Bahasa Mandarin?

   ( ) Ya. Jika Ya, cara bagaimana anda melatih dalam sebutan nada?

   Nyatakan: _____

   ( ) Tidak. Jika tidak, mengapa anda tidak melatih dalam sebutan nada?

   Nyatakan: _____

5. Menurut pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan anda melakukan kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin? (Jawapan boleh pilih lebih)

   ( ) Gangguan bahasa ibunda, terkeliru
   ( ) Terlupa, pengaruh sebelum atau selepas suku kata, berasa sukar dan hilang keyakinan
   ( ) Terpengaruh oleh keadaan persekitaran pembelajaran, kekurangan bahan rujukan, waktu perkuliahan yang tidak cukup, sikap
   ( ) Lain-lain, nyatakan:_____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Anda berasa tahap penguasaan sebutan nada Bahasa Mandarin berada pada tahap berapa?

( ) Cemerlang ( ) Baik
( ) Memuaskan ( ) Lemah

7. Bagaimanakah anda menyebut kata dwisuku “míng tiān (明天)”?

( ) Menyebut dengan mengikut sebutan nada yang betul.
( ) Menyebut dengan mengikut rumi.
( ) Menyebut dengan gaya sendiri secara suka hati.
( ) Lain-lain. nyatakan:_____

8. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sukar, 3 – senang, 4 – paling senang

( ) wō (nada pertama) ( ) wó (nada kedua)
( ) wǒ (nada ketiga) ( ) wò (nada keempat)

9. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1– paling sukar, 2 – sukar, 3 – senang, 4 – paling senang

( ) xīng qī (星期) ( ) fēi cháng (非常)
( ) gōng xǐ (恭喜) ( ) yuē huì (约会)

10. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sukar, 3 – senang, 4 – paling senang

( ) jié hūn (结婚) ( ) yíng háng (银行)
( ) méi yǒu (没有) ( ) pín dào (频道)

11. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sederhana, 3 – senang

( ) lǎo shī (老师) ( ) yǒu míng (有名)
( ) qǐng jià (请假)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sukar, 3 – senang, 4 – paling senang

( ) dà jiā (大家)
( ) xià wǔ (下午)
( ) wài guǒ (外国)
( ) fù jìn (附近)

13. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada neutral dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sederhana, 3 – paling senang

( ) bú shì (不是)
( ) nǐ hǎo (你好)
( ) yí xià (一下)

14. Sila nyatakan **kedudukan** *(rank)* mengikut urutan tahap kesukaran sebutan nada neutral dalam kata dwisuku berikut berdasarkan skala:

1– paling sukar, 2 – sukar, 3 – senang, 4 – paling senang

( ) mā ma (妈妈)
( ) zǎo shang (早上)
( ) shén me (什么)
( ) dì di (弟弟)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terima kasih kerana meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan kajian ini. Kerjasama anda adalah sangat dihargai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

ISTILAH BAHASA MANDARIN DALAM BAHASA MALAYSIA

Bil	Bahasa Mandarin	Bahasa Malaysia
1	汉语拼音	*Hanyu Pinyin* (Sistem sebutan Bahasa Cina Standard)
2	国家语言	Bahasa Kebangsaan
3	华语	Bahasa Cina / Bahasa Mandarin
4	音节	Suku kata
5	音素	Fonem
6	音系学 / 音韵学	Fonologi
7	说	Bertutur
8	声调	Intonasi / nada
9	义	Makna
10	语音	*Yuyin*
11	辅音	Konsonan Letupan
12	摩擦辅音	Konsonan Geseran
13	辅音振动	Konsonan Getaran
14	鼻辅音	Konsonan Sengauan
15	塞音/b/, /p/, /d/, /t/, /g/, /k/	Plosif / letupan
16	擦音 /f/, /s/, /sh/, /r/, /x/, /h/	Frikatif / geseran
17	塞擦音 /z/, /c/, /zh/, /ch/, /j/, /q/	Afrikat / letusan
18	鼻音 /m/, /n/	Nasal / sengau
19	边音 /l/	Lateral / sisian
20	半元音 /y/, /w/	Separuh vokal
21	双唇音 /b/,/p/,/m/	Dua bibir
22	唇齿音 /f/	Bibir-gigi
23	舌尖中音 /d/, /t/, /n/, /l/	Alveolus / gusi
24	舌根音 /g/, /k/, /h/	Velar / lelangit lembut
25	舌面音 /j/, /q/, /x/	Palatal / lelangit
26	舌尖后音 /zh/, /ch/, /sh/, /r/	Palatal-daun lidah
27	舌尖前音 /z/, /c/, /s/	Alveolus-daun lidah
28	半元音 /y/	Lidah depan tinggit – bibir leper
29	半元音 /w/	Lidah belakang tinggi – bibir bulat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

30	送气音 /p/, /t/, /k/, /q/, /ch/, /c/	Fonem awal beraspirasi
31	不送气音 /b/, /d/, /g/, /j/, /zh/, /z/	Fonem awal tidak beraspirasi
32	声母	Fonem awal
33	韵母	Fonem akhir
34	元音	Vokal
35	音位变体	Alofon
36	超音段音位	*Suprasemental Phoneme*
37	音段音位	*Segment Phoneme*
38	二字调	Kata Dwisuku
39	三字调	Kata Trisuku
40	四字调	Kata Empat Suku
41	对比分析	Analisis kontrastif
42	连调教学	Pembelajaran Sebutan Nada
43	第一声 / 阴平	Nada Pertama
44	第二声 / 阳平	Nada Kedua
45	第三声 / 上声	Nada Ketiga
46	第四声 / 去声	Nada Keempat
47	轻声	Nada Neutral
48	变调	Modifikasi Nada
49	一度	1 darjah
50	二度	2 darjah
51	三度	3 darjah
52	四度	4 darjah
53	五度	5 darjah
54	全降调	Nada Penurunan Sepenuh
55	降升调	Nada Penurunan dan Peningkatan
56	高升调	Nada Peningkatan Aras Tinggi
57	高平调	Nada Aras Tinggi Lurus
58	调域	Pic Nada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

SENARAI PENERBITAN

Peringkat Antarabangsa:

1. Chuah, K. P. (2015, September). *国小巫裔生华语声调偏误分析 [Analisis kesilapan sebutan nada Bahasa Cina murid Melayu]*.Theory and Practice of Chinese Language Teaching Conference 2015 di Kolej New Era, Kajang, Selangor.

2. Tan, T. G., Hoe, F. T. & Chuah, K. P. (2015, September). *国小华语文班马来学生的汉字学习策略探讨 [Mengenal pasti strategi pembelajaran tulisan Bahasa Cina murid Melayu]*.Theory and Practice of Chinese Language Teaching Conference 2015 di Kolej New Era, Kajang, Selangor.

3. Lin, C. Y. & Chuah, K. P. (2014, November). *Contextual Teaching and Learning Approach in Teaching Mandarin Communication Skill for Second Language.* Paper presented at The Fifth Pacific Rim Conference on Education, Taiwan.

Peringkat Kebangsaan / Negeri:

1. Chuah, K. P. & Lin, C. Y. (2016, September). Kesilapan Sebutan Nada Bahasa Cina dalam Kalangan Pelajar Melayu. Kertas dibentang di Seminar Penyelidikan Pendidikan Darulaman (SEDAR) 2016, Jitra, Kedah.

2. Chuah, K. P. (2015, Oktober). *Movie Mesra: Meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Cina dalam kalangan murid Melayu*. Kertas dibentang di Seminar Penyelidikan Pendidikan Darulaman 2015, Jitra, Kedah.

3. Chuah, K. P. (2015, Ogos). *Mengintegrasikan Movie Mesra bagi menguasai kemahiran bertutur Bahasa Cina dalam kalangan murid Melayu.* Kertas dibentang di Seminar Kajian Tindakan Peringkat Negeri Kedah 2015, Sungai Petani, Kedah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Chuah, K. P. (2014, September). *Analisis Kesilapan Sebutan Nada Bagi Pelajar Melayu Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin*. Kertas dibentang di Seminar Pasca Siswazah FBK 2014, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi